



**KERANGKA KERJA KONSEPTUAL UNTUK
PELAPORAN KEWANGAN TUJUAN UMUM
OLEH ENTITI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF**

DISEMBER 2025



KERAJAAN MALAYSIA

**Kerangka Kerja Konseptual Untuk Pelaporan
Kewangan Tujuan Umum Oleh
Entiti Baitulmal, Zakat dan Wakaf**

Disember 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Kerangka Kerja Konseptual Untuk Pelaporan Kewangan Tujuan Umum Oleh Entiti Baitulmal, Zakat dan Wakaf dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Disediakan dan diterbitkan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000

Web : <https://www.anm.gov.my>

PRAKATA

Pengenalan	3
Pendekatan yang digunakan dalam membangunkan Kerangka Kerja Konseptual	4
Ciri-Ciri Entiti	4
Bab 1 – Peranan Dan Autoriti Kerangka Kerja Konseptual	7
Pengenalan	7
Peranan Kerangka Kerja Konseptual	7
Autoriti bagi Kerangka Kerja Konseptual.....	7
Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (PKTU)	7
Bab 2 – Pembentukan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Yang Menepati <i>Siyasah Syar’iyyah</i> Dan <i>Maqasid Syariah</i>.....	9
Pengenalan	9
Prinsip Asas.....	9
Hubung kait antara al-Adl, al-Ihsan dan al-Falah dengan Perakaunan	10
Perakaunan menepati <i>Siyasah Syar’iyyah</i> dan <i>Maqasid Syariah</i>	10
Konsep Akauntabiliti dalam Pelaporan Kewangan.....	11
Bab 3 – Objektif Dan Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum	12
Pengenalan	12
Objektif Pelaporan Kewangan	12
Akauntabiliti dan Pembuatan Keputusan	12
Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum.....	13
Keperluan Maklumat Penyedia Sumber dan Penerima Manfaat/Perkhidmatan	14
Maklumat Disediakan oleh Pelaporan Kewangan Tujuan Umum	15
Penyata Kewangan dan Maklumat yang Menambah Baik, Melengkapkan dan Suplemen Penyata Kewangan.....	18
Bab 4 – Ciri-Ciri Kualitatif	20
Pengenalan	20
Ciri-ciri Kualitatif Maklumat dalam Penyata Kewangan.....	20
Kekangan Maklumat yang Disertakan dalam Pelaporan Kewangan Tujuan Umum	27
Keseimbangan antara Ciri-ciri Kualitatif	27
Bab 5 – Entiti Pelapor	28
Pengenalan	28
Ciri-ciri Utama Entiti Pelapor	28
Bab 6 – Elemen Dalam Penyata Kewangan.....	30
Pengenalan	30
Takrif Elemen.....	30

Bab 7 – Pengiktirafan Dalam Penyata Kewangan	42
Pengenalan	42
Kriteria Pengiktirafan dan Hubungannya dengan Pendedahan	42
Pengiktirafan Elemen	42
Pengukuran Ketidakpastian.....	43
Pendedahan dan Pengiktirafan	43
Penyahiktirafan	43
Bab 8 – Pengukuran Aset Dan Liabiliti Dalam Penyata Kewangan	44
Pengenalan	44
Objektif Pengukuran	44
Asas Pengukuran dan Pemilihannya	44
Asas Pengukuran untuk Aset	44
Asas Pengukuran untuk Liabiliti	49
Bab 9 – Pembentangan Dalam Pelaporan Kewangan Tujuan Umum	51
Pengenalan	51
Pemilihan Maklumat	52
Penyusunan Maklumat	58

PRAKATA

Pengenalan

1. Kerangka Kerja Konseptual untuk Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (selepas ini dirujuk sebagai Kerangka Kerja Konseptual) yang menentukan konsep untuk diguna pakai dalam membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dan terpakai dalam penyediaan dan pembentangan Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (PKTU).
2. Prinsip yang ditetapkan dalam Kerangka Kerja Konseptual ini adalah menepati *siyasah syar'iyah* dan *Maqasid Syariah*.
3. Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Islam adalah agama bagi Persekutuan dan perkara berkaitan hal ehwal Islam berada di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Secara umumnya kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) diberikan melalui peruntukan perundangan untuk membantu dan menasihati Ketua Agama Islam dalam hal ehwal Islam di negeri masing-masing. Pengasingan kuasa ini menyebabkan struktur organisasi, pengoperasian dan pelaporan kewangan mungkin berbeza. MAIN boleh berperanan sebagai entiti atau memberikan kuasa kepada entiti lain untuk menjalankan peranannya. Oleh itu, entiti yang dinyatakan dalam Kerangka Kerja Konseptual ini merangkumi MAIN dan entiti yang diberi kuasa mentadbir zakat, wakaf dan sumber am (selepas ini dirujuk sebagai entiti). Entiti mungkin berbeza dari segi pengaturan perundangan dan kaedah operasinya, secara amnya entiti adalah pemegang amanah dan pentadbir hasil-hasil agama Islam.
4. Dalam konteks entiti, pentadbiran entiti tersebut ditadbir urus oleh pengurusan tertinggi yang bertanggungjawab untuk pengurusan harta umat Islam seperti menyediakan pelaporan kewangan menepati *siyasah syar'iyah* dan *Maqasid Syariah*. Pengurusan tertinggi termasuk anggota majlis, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan dan yang setara dengannya.
5. Objektif utama entiti adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat, bukannya untuk mengaut keuntungan dan menjana pulangan ke atas ekuiti kepada pelabur. Kesannya, hanya sebahagian prestasi entiti yang boleh dinilai melalui penelitian kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai. PKTU menyediakan maklumat kepada pengguna bagi tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Oleh itu, pengguna PKTU entiti memerlukan maklumat untuk menyokong taksiran perkara-perkara seperti:
 - a. Sama ada entiti menyediakan perkhidmatannya kepada masyarakat secara cekap dan berkesan;
 - b. Sumber yang tersedia pada masa kini untuk perbelanjaan masa hadapan, dan sejauh mana terdapatnya sekatan atau syarat yang dikenakan pada penggunaannya;
 - c. Sejauh mana entiti mengutip dan mengagihkan sumber zakat dan manfaat wakaf; dan
 - d. Sama ada keupayaan entiti untuk menyediakan perkhidmatan bertambah baik atau merosot berbanding tahun sebelumnya.
6. Seksyen berikut menerangkan tentang ciri-ciri entiti yang dipertimbangkan oleh jawatankuasa Piawaian Perakaunan Islam (PPI) dalam membangunkan Kerangka Kerja Konseptual

Pendekatan yang digunakan dalam membangunkan Kerangka Kerja Konseptual

7. Pembangunan kerangka kerja konseptual untuk perakaunan dan pelaporan kewangan melibatkan empat langkah utama. Langkah pertama ialah mengenal pasti objektif pelaporan kewangan, termasuk menyediakan maklumat yang berguna untuk membuat keputusan, menilai prestasi entiti, dan memastikan akauntabiliti.
8. Langkah kedua ialah membangunkan satu set konsep dan prinsip perakaunan berasaskan syariah yang menjadi panduan dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan. Konsep dan prinsip perakaunan yang dibangunkan menepati *siyasaḥ syar'iyah* dan *Maqasid Syariaḥ* yang konsisten dengan objektif pelaporan kewangan.
9. Langkah ketiga ialah membangunkan satu set kriteria pengiktirafan dan pengukuran suatu item yang akan dimasukkan dalam penyata kewangan. Kriteria ini hendaklah berdasarkan konsep dan prinsip perakaunan yang dibangunkan dalam langkah kedua dan konsisten dengan objektif pelaporan kewangan.
10. Langkah keempat ialah membangunkan satu set keperluan pendedahan dan pembentangan yang akan memastikan pengguna penyata kewangan mendapatkan maklumat yang relevan. Keperluan ini hendaklah berdasarkan konsep dan prinsip perakaunan yang dibangunkan dalam langkah kedua dan konsisten dengan objektif pelaporan kewangan.

Ciri-Ciri Entiti

Kepentingan Kewangan dan Volum Transaksi Bukan Pertukaran

11. Dalam transaksi bukan pertukaran, entiti menerima sesuatu yang bernilai daripada pihak lain tanpa memberi nilai tukaran yang hampir sama secara langsung. Transaksi sedemikian adalah lazim dalam entiti. Nilai yang diterima oleh entiti mengandungi obligasi kepadanya untuk menggunakan nilai tersebut mengikut ketetapan yang dinyatakan oleh hukum syarak. Tahap dan kualiti perkhidmatan yang diterima oleh pihak lain (sama ada individu atau kumpulan individu), biasanya tidak secara langsung berkaitan dengan tahap pemberian harta yang dimanfaatkan atau yang dinilai. Pihak lain mungkin membayar caj dan/atau perlu membuat sumbangan tertentu untuk mengakses perkhidmatan tertentu. Walau bagaimanapun, transaksi tersebut adalah secara amnya, bersifat bukan pertukaran, kerana nilai manfaat yang diperolehi oleh pihak lain tidak setara dengan nilai caj yang telah dibayar atau sumbangan yang dibuat oleh mereka. Sifat transaksi bukan pertukaran boleh memberikan kesan ke atas bagaimana transaksi tersebut diiktiraf, diukur dan dibentangkan untuk menyokong penaksiran terbaik entiti oleh penerima perkhidmatan dan penyedia sumber.
12. Zakat adalah hasil bukan pertukaran yang signifikan kepada entiti dan diwajibkan oleh syariah ke atas individu dan entiti perniagaan yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Kuasa untuk menentukan kadar zakat fitrah dan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat boleh berbeza-beza, bergantung kepada ketetapan Jawatankuasa Fatwa di negeri masing-masing.
13. Sebagai pemegang amanah, entiti bertanggungjawab kepada penyedia sumber, terutama kepada mereka yang menyediakan sumber seperti pembayar zakat dan pewakaf. Bab 3, Objektif dan Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum, membincangkan objektif akauntabiliti kewangan pelaporan.

Kepentingan Belanjawan yang Diluluskan

14. Kebanyakan entiti menyediakan belanjawan. Dalam sesetengah bidang kuasa, terdapat keperluan perundangan untuk entiti menyediakan dan menjadikan belanjawan yang diluluskan tersedia kepada umum. Perundangan sering menetapkan kandungan dokumentasi tersebut. Ahli Majlis menjalankan pengawasan, manakala pihak pengurusan entiti bertanggungjawab dari segi kewangan melalui belanjawan dan mekanisme lain. Belanjawan yang diluluskan selalunya menjadi asas perbelanjaan pada tahun semasa dan merupakan sebahagian daripada proses untuk mendapatkan kelulusan perundangan untuk perbelanjaan.
15. Maklumat yang dinyatakan dalam dokumen belanjawan yang diluluskan adalah penting disebabkan maklumat tersebut membolehkan pengguna menilai sejauh mana entiti telah mencapai objektif kewangannya melalui perbandingan keputusan kewangan dengan belanjawan. Maklumat sedemikian menggalakkan akauntabiliti dan membantu pembuatan keputusan dalam belanjawan seterusnya. Pelaporan belanjawan biasanya merupakan mekanisme pematuhan keperluan undang-undang yang berkaitan dengan kewangan awam. Keperluan pengguna terhadap maklumat belanjawan dibincangkan dalam Bab 3, Objektif dan Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum.

Sifat Program dan Kelangsungan Entiti

16. Kebanyakan program entiti adalah bersifat jangka panjang dan keupayaan untuk memenuhi komitmen bergantung pada hasil agama Islam yang diterima pada masa hadapan. Sebahagian komitmen yang timbul daripada program entiti tidak memenuhi takrif liabiliti dan aset dalam Bab 6, Elemen dalam Penyata kewangan. Oleh itu, komitmen tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kewangan.
17. Kesannya, penyata kedudukan kewangan dan penyata prestasi kewangan tidak dapat menyediakan semua maklumat yang pengguna perlukan bagi program jangka panjang, terutama bagi penyampaian manfaat sosial. Kesan kewangan terhadap pelbagai keputusan memberi kesan yang bertahun-tahun atau sehingga berdekad pada masa hadapan. Oleh itu, PKTU mengandungi maklumat kewangan prospektif tentang kemampuan jangka panjang kewangan entiti dan program utama adalah perlu untuk tujuan akauntabiliti dan membuat keputusan seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, Objektif dan Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum.
18. Walaupun entiti mungkin menghadapi masalah kewangan yang teruk dan mungkin mungkir pada obligasi, hutang entiti terus wujud. Jika entiti menghadapi masalah kewangan, kerajaan negeri mungkin bertindak sebagai pemberi pinjaman terakhir atau memberikan jaminan berskala besar. Komitmen penyampaian perkhidmatan utama entiti mungkin terus dibiayai oleh entiti negeri lain atau kerajaan persekutuan. Dalam kes lain, entiti yang tidak dapat memenuhi liabiliti mereka apabila sampai waktu perlu dilunaskan, entiti boleh terus wujud melalui penstrukturan semula operasi.
19. Prinsip usaha berterusan mendasari penyediaan penyata kewangan. Tafsiran prinsip itu perlu menggambarkan isu yang dibincangkan dalam perenggan 17 dan 18.

Sifat dan Tujuan Aset dan Liabiliti dalam entiti

20. Dalam konteks entiti, sebab utama pemegangan hartanah, loji dan peralatan serta aset lain adalah untuk potensi perkhidmatan dan bukan keupayaannya untuk menjana aliran tunai. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, entiti menubuhkan agensi atau anak syarikat bagi menjana tunai dan menanggung liabiliti. Dengan mengambil kira jenis perkhidmatan yang disediakan, sebahagian daripada aset yang dipegang oleh entiti merupakan sumbangan yang diterima untuk tujuan khusus, sebagai contoh, tanah kubur. Penilaian tanah kubur mungkin memerlukan usaha dan penyesuaian tertentu. Faktor-faktor ini mempunyai implikasi untuk pengukuran aset tersebut. Bab 8, Pengukuran Aset dan Liabiliti dalam Penyata Kewangan, membincangkan asas pengukuran untuk aset.
21. Entiti boleh memegang aset yang memberi manfaat kepada masyarakat secara amnya, contohnya, bangunan yang diwakafkan. Aset sebegini biasanya tidak dipegang untuk dijual walaupun pasaran wujud. Sebaliknya, entiti mempunyai tanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkannya untuk pihak yang menerima manfaat tersebut. Dalam keadaan di mana entiti terpaksa menukarkan aset wakaf sedia ada kepada aset gantian wakaf, mungkin terdapat keperluan penilaian semula dan mewujudkan liabiliti dibincangkan dalam Bab 7, Pengiktirafan dalam Penyata Kewangan.
22. Entiti menanggung liabiliti yang berkaitan dengan objektif penyampaian perkhidmatannya. Kebanyakan liabiliti timbul daripada transaksi bukan pertukaran termasuk program yang dijalankan bagi menyampaikan manfaat sosial. Liabiliti juga mungkin timbul daripada sebarang obligasi peranan entiti untuk memindahkan sumber kepada mereka yang terjejas oleh bencana. Takrif liabiliti dan kriteria pengiktirafan dibincangkan dalam Bab 6, Elemen dalam Penyata Kewangan dan Bab 7, Pengiktirafan dalam Penyata Kewangan.

Peranan Kawal Selia Majlis Agama Islam Negeri

23. Majlis Agama Islam Negeri mempunyai kuasa untuk mengawal selia entiti yang diberi kuasa mentadbir zakat, wakaf dan sumber am (hasil agama Islam selain daripada zakat dan wakaf) sama ada secara langsung atau melalui agensi yang diwujudkan secara khusus. Walau pun entiti lain diberi kuasa untuk mentadbir bagi pihak MAIN, kuasa mutlak masih kekal dipegang oleh MAIN. Rasional dasar pengurusan hal ehwal Islam yang mendasari peraturan adalah untuk pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi umat Islam. Intervensi kawal selia juga boleh berlaku jika terdapat ketidaksempurnaan atau kegagalan sesuatu perkhidmatan tertentu, atau untuk mengurangkan faktor seperti penyelewengan, ketirisan dan salah guna kuasa. Aktiviti kawal selia tersebut dijalankan mengikut proses undang-undang.
24. Majlis Agama Islam Negeri juga boleh mengawal sendiri dan agensi di bawah seliaannya. Pertimbangan mungkin perlu untuk menentukan sama ada peraturan tersebut mewujudkan hak dan obligasi ke atas, entiti yang mentadbir harta umat Islam yang memerlukan pengiktirafan sebagai aset dan liabiliti, atau sama ada keupayaan Majlis Agama Islam Negeri untuk meminda peraturan tersebut mempunyai kesan ke atas bagaimana hak dan obligasi tersebut diambil kira. Bab 6, Elemen dalam Penyata Kewangan, mempertimbangkan hak dan obligasi.

BAB 1 – PERANAN DAN AUTORITI KERANGKA KERJA KONSEPTUAL

Pengenalan

- 1.1. Bab ini menerangkan peranan dan autoriti Kerangka Kerja Konseptual dalam pembentukan pelaporan kewangan, serta peranan dan skop Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (PKTU) dalam pengurusan kewangan entiti.

Peranan Kerangka Kerja Konseptual

- 1.2. Kerangka Kerja Konseptual membentuk konsep yang mendasari pelaporan kewangan tujuan umum (pelaporan kewangan) bagi entiti yang menggunakan pakai asas akruan. Jawatankuasa PPI menggunakan konsep-konsep ini dalam pembangunan PPIBZW untuk diguna pakai dalam penyediaan dan pembentangan Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (PKTU) entiti.

Autoriti bagi Kerangka Kerja Konseptual

- 1.3. Kerangka Kerja Konseptual merupakan panduan tanpa mewujudkan keperluan autoritatif untuk pelaporan kewangan oleh entiti yang menerima pakai PPIBZW, dan juga tidak mengatasi keperluan PPIBZW. Keperluan autoritatif yang berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan transaksi, peristiwa dan aktiviti lain yang dilaporkan dalam PKTU dijelaskan dalam PPIBZW.
- 1.4. Kerangka Kerja Konseptual boleh memberi panduan dalam menangani isu pelaporan kewangan yang tidak ditangani oleh PPIBZW. Dalam keadaan ini, penyedia dan pihak lain boleh merujuk dan mempertimbangkan untuk diguna pakai taktif, kriteria pengiktirafan, prinsip pengukuran dan konsep lain yang dikenal pasti dalam Kerangka Kerja Konseptual.

Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (PKTU)

- 1.5. PKTU ialah komponen utama, dan menyokong serta menambah baik, pelaporan kewangan yang telus oleh entiti. PKTU ialah laporan kewangan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna yang tidak boleh meminta laporan khusus disediakan mengikut keperluan maklumat mereka.
- 1.6. Sesetengah pengguna maklumat kewangan mempunyai autoriti untuk menghendaki penyediaan laporan disesuaikan bagi memenuhi keperluan maklumat khusus mereka. Pihak berautoriti tersebut mengetahui maklumat yang diberikan oleh PKTU berguna untuk tujuan mereka, akan tetapi PKTU tidak dibangunkan secara khusus bagi memenuhi keperluan maklumat tertentu mereka.
- 1.7. PKTU berkemungkinan merangkumi beberapa laporan, setiap satunya memberi respon secara langsung kepada aspek tertentu objektif pelaporan kewangan dan perkara yang termasuk dalam skop pelaporan kewangan. PKTU merangkumi penyata kewangan termasuk nota mereka (selepas ini dirujuk sebagai penyata kewangan, melainkan dinyatakan sebaliknya), dan penyampaian maklumat yang menambah baik, melengkapkan dan suplemen kepada penyata kewangan.

- 1.8. Skop pelaporan kewangan menetapkan sempadan transaksi, peristiwa lain dan aktiviti yang mungkin dilaporkan dalam PKTU. Skop pelaporan kewangan ditentukan oleh keperluan maklumat pengguna utama PKTU dan objektif pelaporan kewangan. Faktor-faktor yang menentukan perkara yang mungkin merangkumi skop pelaporan kewangan dihuraikan dalam bab seterusnya.
- 1.9. Kerangka Kerja Konseptual diguna pakai untuk pelaporan kewangan oleh entiti yang menggunakan PPIBZW.

BAB 2 – PEMBENTUKAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PELAPORAN KEWANGAN YANG MENEPATI *SIYASAH SYAR'IIYAH* DAN *MAQASID SYARIAH*

Pengenalan

- 2.1. Bab ini menerangkan pembentukan Kerangka Kerja Konseptual yang menepati *siyasaah syar'iiyyah* dan *Maqasid Syariah* merangkumi prinsip asas, hubungan kait antara al-Adl, al-Ihsan dan al-Falah dengan perakaunan. Perakaunan yang menepati *siyasaah syar'iiyyah* dan *Maqasid Syariah* menentukan bagaimana pembentangan dan pendedahan transaksi atau peristiwa lampau dilaksanakan dengan memberi fokus kepada konsep akauntabiliti dalam Islam.

Penerapan Siyasaah Syar'iiyyah dalam Pelaporan Kewangan

- 2.2. Dalam pentadbiran negara, terdapat dana-dana Islam yang perlu ditadbir urus dengan baik. Dana ini membantu entiti dalam menguruskan hal-hal berkaitan kemaslahatan negara terutamanya kepada umat Islam seperti zakat, wakaf dan sumber am (hasil-hasil agama Islam). Oleh itu, bagi membantu entiti untuk mentadbir dana-dana tersebut dengan efisien, terdapat keperluan untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual yang menepati *siyasaah syar'iiyyah* yang menjamin kemaslahatan umum, keadilan dan mencegah kemudaratan dengan menghasilkan suatu pelaporan kewangan bagi entiti yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf. *Siyasaah Syar'iiyyah* adalah ilmu atau kaedah pengurusan, pentadbiran dan pemerintahan negara yang berlandaskan prinsip syariah Islam, al-Quran, sunnah serta ijtihad bagi menjamin kemaslahatan umum, keadilan dan mencegah kemudaratan.
- 2.3. Dalam pembentukan Kerangka Kerja Konseptual, *siyasaah syar'iiyyah* berperanan sebagai panduan utama dalam menyediakan pelaporan kewangan yang memenuhi tujuan syariah sebagai falsafah asas. Melalui *siyasaah syar'iiyyah*, segala dasar dan garis panduan yang dibentuk mestilah menepati *Maqasid Syariah*. Prinsip ini diterjemahkan dalam kerangka kerja konseptual dengan menetapkan objektif pelaporan yang bertujuan menzahirkan akauntabiliti dan kebergunaan keputusan berdasarkan syariah.

Prinsip Asas

- 2.4. Dalam Kerangka Kerja Konseptual ini, tiga konsep utama diketengahkan iaitu: al-Adl (keadilan), al-Ihsan (kebaikan), dan al-Falah (kejayaan). Al-Falah menekankan kepentingan pencapaian kejayaan atau kesejahteraan di dunia dan akhirat. Al-Adl pula menitikberatkan tentang keadilan, kesaksamaan, dan kewajaran dalam setiap urusan kehidupan. Manakala al-Ihsan merujuk kepada kecemerlangan dan kesempurnaan dalam menunaikan kewajipan serta tanggungjawab dengan niat untuk mendapatkan keredaan Allah.
- 2.5. Kerangka Kerja Konseptual yang dibentuk menepati *siyasaah syar'iiyyah* dan *Maqasid Syariah* adalah bertujuan memelihara kemaslahatan ummah dengan tiga matlamat utama; al-Adl (keadilan), al-Ihsan (kebaikan), dan al-Falah (kejayaan).

Hubung kait antara al-Adl, al-Ihsan dan al-Falah dengan Perakaunan

- 2.6. Dalam konteks perakaunan, al-Adl boleh dicapai dengan menerapkan prinsip beretika dalam amalan perakaunan seperti kejujuran, ketelusan dan kesaksamaan. Oleh itu, pelaporan kewangan perlu memberi gambaran sebenar berkaitan aktiviti ekonomi entiti dan tidak mengelirukan pemegang taruh. Keadilan dalam pelaporan juga dapat menggalakkan pelaporan kewangan yang lebih telus. Selain itu, perakaunan yang adil dapat meningkatkan kawalan dalaman dan tadbir urus melalui sistem semak dan imbang serta pengasingan tugas. Keadilan juga dapat dizahirkan melalui penggunaan undang-undang dan piawaian perakaunan bagi memastikan keseragaman dan mencegah sebarang manipulasi.
- 2.7. Al-Ihsan menekankan kecemerlangan, keikhlasan, dan kebaikan, menggalakkan entiti untuk melangkaui sekadar pematuhan undang-undang dan piawaian perakaunan. Dalam konteks perakaunan, al-Ihsan memastikan penyediaan maklumat kewangan yang bukan sahaja tepat, tetapi juga jelas dan berguna kepada semua pemegang taruh walaupun pendedahan tersebut tidak diwajibkan oleh undang-undang dan piawaian perakaunan.
- 2.8. Al-Falah, yang bermaksud kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat merupakan matlamat utama dalam Islam. Dalam konteks perakaunan, al-Falah memberi arah tuju kepada pelaporan kewangan yang bukan sahaja melaporkan keuntungan material, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial, keadilan, dan keberkatan. Oleh itu, al-Falah menjadi asas penting dalam membentuk perakaunan yang bukan sahaja memelihara kemaslahatan ummah tetapi juga mendapat keredaan Allah SWT.

Perakaunan menepati *Siyasah Syar'iyah* dan *Maqasid Syariah*

- 2.9. Perakaunan yang menepati *siyasah syar'iyah* dan *Maqasid Syariah*; (selepas ini dirujuk sebagai "Perakaunan Islam"); tidak hanya tertumpu kepada perekodan dan pelaporan kewangan, malah menyumbang secara menyeluruh kepada pencapaian objektif utama Syariah, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pelaporan kewangan yang menepati *siyasah syar'iyah* dan *Maqasid Syariah* menekankan keperluan untuk menyampaikan maklumat yang benar yang memberikan keadilan dan manfaat kepada semua yang mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap sesuatu tanggungan berdasarkan pengajaran daripada Surah Al-Baqarah (2:282).
- 2.10. Perakaunan Islam juga secara tidak langsung turut menyokong prinsip kemampanan dengan memberi penekanan kepada tanggungjawab sosial, persekitaran dan tadbir urus selaras dengan nilai keadilan sosial dan pengagihan kekayaan yang saksama dalam Islam.
- 2.11. Kerangka Kerja Konseptual ini menerapkan konsep *Maqasid Syariah* dalam pengolahan perakaunan. Pengolahan perakaunan Islam merangkumi pengiktirafan, pengukuran, pendedahan dan pembentangan pelaporan kewangan untuk memastikan antaranya:
 - a. transaksi yang diiktiraf adalah patuh Syariah;
 - b. nilai yang diukur bersifat adil dan tidak dimanipulasi;
 - c. maklumat yang didedahkan lengkap dan telus demi mengelakkan kemudaratan; dan
 - d. laporan kewangan yang dibentangkan mudah difahami dan memberi manfaat berterusan kepada masyarakat dan generasi akan datang.

Inilah fungsi utama perakaunan Islam dan pelaporan kewangan — memastikan pemilikan, penggunaan dan pengurusan harta dilakukan secara sah, adil dan berakauntabiliti. Pelaporan kewangan melindungi aset entiti daripada pembaziran, salah guna, dan ketirisan.

- 2.12. Dalam konteks pembentukan Kerangka Kerja Konseptual ini, *Maqasid Syariah* digunakan untuk kemaslahatan penjagaan harta umat Islam dan sebagai panduan untuk pembuatan keputusan. Penjagaan harta dalam Islam merujuk kepada pengurusan dan pentadbiran harta serta hasil-hasil agama Islam yang seumpamanya iaitu sumber am, zakat dan wakaf.
- 2.13. Kerangka Kerja Konseptual ini menekankan konsep akauntabiliti dalam pembuatan keputusan yang bersandarkan kepada tiga peringkat masalah *Maqasid Syariah* iaitu *Dharuriyyah*, *Hajiyyah* dan *Tahsiniyyah*. Konsep tersebut diterjemahkan dalam Kerangka Kerja Konseptual ini dengan memperkenalkan tiga peringkat prinsip pembentangan dan pendedahan mengikut urutan iaitu Kemestian, Keperluan dan Kesempurnaan. Oleh yang demikian, masalah *Maqasid Syariah* yang digunapakai dalam Kerangka Kerja Konseptual ini dijadikan sebagai asas pembentangan dan pendedahan dalam pelaporan kewangan PPIBZW untuk mencapai al-Adl, al-Ihsan dan al-Falah.

Konsep Akauntabiliti dalam Pelaporan Kewangan

- 2.14. Akauntabiliti dalam pelaporan kewangan merujuk kepada tanggungjawab entiti untuk menyediakan maklumat kewangan yang benar, adil dan boleh dipercayai, tepat pada masanya, dan telus kepada pemegang taruh agar keputusan dapat dibuat dan prestasi dapat dinilai. Konsep akauntabiliti ini memastikan bahawa pihak yang diamanahkan dengan sumber kewangan bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber tersebut.
- 2.15. Konsep akauntabiliti yang menepati *siyasaḥ syar'iyah* dan *Maqasid Syariah* bermaksud bahawa akauntabiliti bukan sahaja kepada pemegang taruh tetapi akauntabiliti yang mutlak adalah kepada Allah SWT, sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menekankan kepentingan akauntabiliti. Akauntabiliti yang dilaksanakan oleh entiti sebagai tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan boleh dilakukan melalui pembentangan pelaporan kewangan secara telus.
- 2.16. Dalam konteks Kerangka Kerja Konseptual, akauntabiliti dalam Islam adalah merujuk kepada surah An Nisa ayat 58 iaitu:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”

Berdasarkan ayat Al-Quran di atas, akauntabiliti mencakupi dua elemen iaitu akauntabiliti kepada Allah SWT dan akauntabiliti manusia kepada manusia lain (iaitu masyarakat). Akauntabiliti kepada Allah SWT merupakan akauntabiliti utama umat manusia dengan melaksanakan semua obligasinya sebagai khalifah. Manakala akauntabiliti sesama manusia boleh dizahirkan melalui kontrak antara manusia sama ada bertulis atau tidak. Lebih penting lagi, hubungan individu dengan individu lain mencerminkan hubungannya dengan Allah. Kedua-dua elemen di atas perlu diamalkan dalam kehidupan setiap umat manusia untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

BAB 3 – OBJEKTIF DAN PENGGUNA PELAPORAN KEWANGAN TUJUAN UMUM

Pengenalan

- 3.1. Bab ini menerangkan objektif dan pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum (PKTU) serta keperluan maklumat pengguna yang menentukan skop pelaporan kewangan.

Objektif Pelaporan Kewangan

- 3.2. Objektif PKTU adalah untuk menyediakan maklumat berguna tentang entiti kepada pengguna PKTU bertujuan menzahirkan akauntabiliti dan kebergunaan keputusan berdasarkan syariah (selepas ini dirujuk sebagai "berguna untuk tujuan akauntabiliti dan membuat keputusan").
- 3.3. Islam amat menekankan akauntabiliti terhadap pengurusan harta. Entiti harus meningkatkan kecekapan tadbir urus dan pengurusan harta benda dengan jujur, telus dan berintegriti. Konsep "amanah" atau kepercayaan juga sangat dititikberatkan dalam pengurusan harta.

Akauntabiliti dan Pembuatan Keputusan

- 3.4. Bagi mencapai matlamat akauntabiliti dari perspektif Islam, ahli pengurusan tertinggi entiti berperanan sebagai khalifah Allah untuk menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia dengan menunaikan tanggungjawab untuk pengurusan harta umat Islam mengikut aturan-Nya seperti menyediakan pelaporan.
- 3.5. Konsep khalifah antaranya merujuk pemilikan sumber sebagai amanah Allah SWT yang diberikan kepada setiap manusia. Dalam konteks ini, ia bermaksud apa juga sumber yang diperolehi oleh entiti adalah atas dasar amanah, sekaligus mengiktiraf setiap entiti sebagai pemegang amanah bagi dana yang diterima. Sebagai khalifah yang mempunyai akauntabiliti kepada Allah dan manusia, jenis maklumat (kewangan dan bukan kewangan) yang didedahkan oleh setiap entiti dalam laporan kewangan akan menzahirkan sejauh mana akauntabiliti dilaksanakan.
- 3.6. Fungsi utama entiti adalah mentadbir sumber yang diamanahkan iaitu zakat atau wakaf atau sumber am atau kombinasi antaranya. Perkhidmatan pentadbiran termasuk, melaksanakan kutipan dan agihan zakat, pendidikan kepada asnaf, pembangunan harta wakaf, pengurusan wasiat dan pengamanahan. Dalam kebanyakan kes, perkhidmatan tersebut merupakan hasil daripada transaksi bukan pertukaran dan dalam persekitaran yang tidak kompetitif.
- 3.7. Entiti bertanggungjawab ke atas sumber yang diterima dan bagaimana entiti menggunakan sumber tersebut untuk melaksanakan akauntabiliti. Pelaksanaan akauntabiliti memerlukan penyediaan maklumat tentang pengurusan entiti bagi sumber yang diamanahkan kepadanya untuk penyampaian perkhidmatan kepada penerima manfaat/perkhidmatan dan pematuhannya terhadap perundangan, peraturan atau pihak berkuasa lain yang mengawal penyampaian perkhidmatan dan operasi lainnya. Memandangkan cara perkhidmatan yang disediakan oleh entiti didanai dana zakat dan sumber lain atau hasil daripada transaksi bukan pertukaran lain dan kebergantungan penerima manfaat/perkhidmatan kepada penyediaan perkhidmatan tersebut dalam jangka panjang, menunaikan obligasi akauntabiliti juga akan memerlukan penyediaan maklumat tentang perkara-perkara seperti pencapaian penyampaian perkhidmatan entiti dalam tempoh pelaporan, dan keupayaannya untuk terus menyediakan perkhidmatan dalam tempoh masa hadapan.

- 3.8. Penyedia sumber atau wakil mereka dan penerima manfaat/perkhidmatan atau wakil mereka (selepas ini dirujuk sebagai “penyedia sumber dan penerima manfaat/perkhidmatan”), memerlukan maklumat sebagai input untuk membuat keputusan. Sebagai contoh:
- a. Pembayar zakat (penyedia sumber) wajib mengeluarkan zakat berdasarkan tanggungjawab sebagai seorang Islam. Maklumat bagi agihan zakat perlu didedahkan dalam PKTU sebagai satu kaedah entiti telah melaksanakan akauntabilitinya. Maklumat ini penting kepada pengguna PKTU terutama kepada pembayar zakat untuk meningkatkan keyakinan kepada entiti sebagai pentadbir zakat.
 - b. Pewakaf yang menyerahkan hartanya kepada entiti sebagai pemegang amanah tunggal. Pewakaf berhak mendapatkan maklumat bagaimana harta wakaf yang telah diwakafkan diuruskan dan dimanfaatkan mengikut ketetapan hujah wakaf. Maklumat PKTU dapat membantu pengguna untuk memahami bagaimana harta diamanahkan, diurus dan ditadbir oleh entiti. Bagaimana sumber digunakan dan diagihkan bagi mencapai objektif entiti berdasarkan aktiviti yang telah dilaksanakan.
 - c. Penyedia sumber seperti pembayar fidyah, kafarah, harta pusaka, wang tak patuh syariah dan selain sumber zakat dan wakaf yang diserahkan kepada entiti sebagai pentadbir dana umat Islam. Penyedia sumber tersebut berhak mendapatkan maklumat bagaimana dana diuruskan dan dimanfaatkan mengikut ketetapan hukum.
 - d. Penerima manfaat/perkhidmatan seperti penerima zakat iaitu asnaf dan penerima manfaat wakaf. Asnaf berhak mendapatkan maklumat berkaitan bentuk bantuan atau sumbangan yang disediakan oleh entiti. Penerima manfaat wakaf pula berhak mendapatkan maklumat berkaitan bagaimana harta wakaf tersebut dimanfaatkan dan dapat dinikmati.
- 3.9. Maklumat yang dinyatakan dalam PKTU untuk tujuan akauntabiliti akan menyumbang dan memaklumkan pembuatan keputusan. Contohnya, maklumat berkaitan kos, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, jumlah dan sumber pemulihan kos, dan sumber yang tersedia untuk menyokong aktiviti masa hadapan diperlukan untuk melaksanakan akauntabiliti. Maklumat ini juga berguna kepada pengguna PKTU membuat keputusan, termasuk keputusan oleh penyedia sumber dan kewangan lain berkaitan penyediaan sumber kepada entiti.

Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum

- 3.10. Entiti mengumpul sumber daripada pembayar zakat, pewakaf, pemegang amanah dan sumber-sumber lain untuk digunakan dalam penyediaan perkhidmatan kepada penerima manfaat/perkhidmatan. Entiti ini bertanggungjawab sebagai pemegang amanah untuk menguruskan sumber tersebut berdasarkan ketetapan syariah. Mereka yang menyediakan sumber dan menerima atau mengharapkan untuk menerima perkhidmatan juga memerlukan maklumat sebagai input untuk membuat keputusan. Oleh itu, PKTU entiti dibangunkan untuk memberikan maklumat kepada penyedia sumber dan penerima manfaat/perkhidmatan tersebut yang tidak mempunyai kuasa untuk menghendaki entiti mendedahkan maklumat yang mereka perlukan untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Justeru, dalam konteks Kerangka Kerja Konseptual, pengguna utama PKTU adalah penyedia sumber dan penerima manfaat/perkhidmatan.
- 3.11. PKTU juga memberi maklumat yang berguna kepada pengguna lain untuk tujuan masing-masing. Antara pengguna lain adalah badan perundangan, juruaudit, penyelidik dan penganalisis. Walaupun pengguna lain mendapati maklumat yang disediakan PKTU berguna, tetapi mereka bukan pengguna utama.

Keperluan Maklumat Penyedia Sumber dan Penerima Manfaat/Perkhidmatan

- 3.12. Untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan, penyedia sumber dan penerima manfaat/perkhidmatan memerlukan maklumat untuk menyokong penilaian bagi perkara seperti:
- a. Prestasi entiti dalam tempoh pelaporan, sebagai contoh:
 - i. Memenuhi penyampaian perkhidmatan serta objektif operasi dan kewangan lain;
 - ii. Menguruskan sumber yang dipertanggungjawabkan; dan
 - iii. Mematuhi belanjawan, perundangan dan pihak berkuasa lain yang mengawal selia penajaan dan penggunaan sumber yang relevan;
 - b. Kecairan entiti (contohnya, keupayaan untuk memenuhi obligasi kini) dan kemampubayaran entiti (contohnya, keupayaan untuk memenuhi obligasi dalam jangka masa panjang);
 - c. Kemampanan penyampaian perkhidmatan entiti dan operasi lain dalam jangka masa panjang, dan perubahannya kesan daripada aktiviti entiti dalam tempoh pelaporan termasuk, sebagai contoh:
 - i. Keupayaan entiti untuk terus mendanai aktiviti dan mencapai objektif operasinya pada masa hadapan (kapasiti kewangannya), termasuk kemungkinan sumber pendanaan dan setakat mana entiti bergantung dan/atau terdedah kepada pendanaan atau tekanan permintaan yang di luar kawalannya; dan
 - ii. Sumber fizikal dan sumber lain yang tersedia pada masa ini untuk menyokong penyediaan perkhidmatan dalam tempoh masa hadapan (kapasiti operasinya);
 - d. Keupayaan entiti untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan, sama ada perubahan dalam demografi atau perubahan dalam keadaan ekonomi domestik atau global yang mungkin memberi kesan kepada sifat atau komposisi aktiviti yang dijalankan dan perkhidmatan yang disediakan; dan
 - e. Maklumat relevan lain yang dapat menunjukkan entiti melaksanakan semua urusan operasi dan kewangannya menurut ketetapan syariah.
- 3.13. Maklumat yang diperlukan oleh penyedia sumber dan penerima manfaat/perkhidmatan untuk tujuan ini berkemungkinan bertindih dalam pelbagai sudut. Sebagai contoh, penyedia sumber dan penerima manfaat/perkhidmatan akan memerlukan maklumat sebagai input kepada penilaian perkara seperti sama ada:
- a. Penyedia sumber: adakah mencapai objektif yang ditetapkan sebagai justifikasi untuk sumber yang didanai semasa tempoh pelaporan.

Penerima manfaat/perkhidmatan: entiti menggunakan sumber secara ekonomi, cekap, mampan, berkesan dan beretika berdasarkan syariah seperti yang dimaksudkan, serta sama ada penggunaan sedemikian adalah untuk kepentingan mereka.
 - b. Penyedia sumber: dana yang diperoleh untuk mendanai operasi dalam tempoh semasa daripada penyedia sumber atau pembiayaan/pinjaman atau sumber lain.

Penerima manfaat/perkhidmatan: jenis, volum dan kos perkhidmatan yang disediakan dalam tempoh pelaporan adalah sesuai, dan amaun serta sumber pemulihan kosnya.

- c. Penyedia sumber: kemungkinan keperluan sumber tambahan (atau kurang) pada masa hadapan, dan kemungkinan punca kepada sumber tersebut.

Penerima manfaat/perkhidmatan: tahap semasa kutipan zakat, wakaf atau sumber lain yang dijana adalah mencukupi untuk mengekalkan volum dan kualiti perkhidmatan yang disediakan pada masa ini.

Penyedia sumber memerlukan maklumat untuk menyokong penilaian sama ada entiti menggunakan sumber secara ekonomi, cekap, mampan, berkesan dan beretika berdasarkan syariah seperti yang dimaksudkan. Mereka juga memerlukan maklumat tentang jangkaan aktiviti penyampaian perkhidmatan masa hadapan dan keperluan sumber.

Penerima manfaat/perkhidmatan juga akan memerlukan maklumat berkaitan kesan daripada keputusan yang dibuat, dan aktiviti yang dijalankan oleh entiti dalam tempoh pelaporan berkaitan sumber yang tersedia untuk menyokong penyediaan perkhidmatan masa hadapan, jangkaan aktiviti penyampaian perkhidmatan masa hadapan entiti dan objektif, dan jumlah serta sumber pemulihan kos yang diperlukan untuk menyokong aktiviti tersebut.

Maklumat Disediakan oleh Pelaporan Kewangan Tujuan Umum

Kedudukan Kewangan, Prestasi Kewangan, Aliran Tunai dan Kutipan dan Agihan Zakat

- 3.14. Maklumat tentang kedudukan kewangan entiti membolehkan pengguna mengenal pasti sumber dan tuntutan (termasuk tuntutan syariah) kepada sumber tersebut pada tarikh pelaporan. Maklumat ini berguna sebagai input kepada penilaian terhadap perkara seperti:
 - a. Setakat mana pihak pengurusan telah melaksanakan tanggungjawabnya untuk menjaga dan mengurus sumber entiti;
 - b. Setakat mana sumber tersedia untuk menyokong aktiviti penyampaian perkhidmatan masa hadapan, dan perubahan amaun dan komposisi sumber serta tuntutan (termasuk tuntutan syariah) kepada sumber tersebut dalam tempoh pelaporan;
 - c. Masa dan amaun aliran tunai pada masa hadapan yang diperlukan untuk membayar balik tuntutan (termasuk tuntutan syariah) sedia ada kepada sumber entiti; dan
 - d. Setakat mana ketetapan ke atas sumber entiti berdasarkan sumber dana dan bagaimana entiti melaksanakan obligasi untuk menyempurnakan ketetapan tersebut.
- 3.15. Maklumat tentang prestasi kewangan entiti akan membolehkan penaksiran lanjut berkaitan perkara seperti sama ada entiti telah memperoleh sumber secara ekonomi, cekap, mampan, berkesan dan beretika berdasarkan syariah untuk mencapai objektif penyampaian perkhidmatannya. Maklumat tentang kos penyampaian perkhidmatan dan amaun serta sumber pemulihan kos dalam tempoh pelaporan akan membantu pengguna untuk menentukan sama ada kos operasi telah dipulihkan atau ditampungkan daripada, contohnya, kutipan zakat, wakaf tunai, fi pengurusan atau derma. Maklumat dalam prestasi kewangan juga memaklumkan setakat mana ketetapan ke atas sumber telah dilaksanakan dan bagaimana entiti melaksanakan obligasi bagi menyempurnakan ketetapan tersebut.

- 3.16. Maklumat tentang aliran tunai entiti yang menyumbang kepada penilaian prestasi kewangan, dan kecairan dan kemampubayaran entiti. Ia menunjukkan bagaimana entiti memperoleh dan menggunakan tunai dalam tempoh tersebut, termasuk wakaf tunai, pinjaman/pembiayaan dan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan serta pemerolehan, penjualan dan istibdal, sebagai contoh, hartanah, loji dan peralatan. Ia juga mengenal pasti wang tunai diterima daripada, sebagai contoh, kutipan zakat, fi pengurusan atau derma serta pemindahan tunai yang dibuat kepada/diterima daripada, kerajaan, agensi kerajaan atau organisasi antarabangsa. Maklumat tentang aliran tunai juga boleh menyokong penilaian pematuhan entiti terhadap mandat perbelanjaan dinyatakan dalam terma aliran tunai, dan memaklumkan penilaian tentang kemungkinan sumber dan amaun aliran masuk tunai yang diperlukan pada masa hadapan untuk menyokong objektif penyampaian perkhidmatan.
- 3.17. Maklumat tentang kutipan dan agihan zakat menunjukkan pengurusan zakat oleh entiti dalam membuat kutipan dan agihan zakat serta kutipan zakat belum/(terlebih) agih jika ada. Maklumat dalam penyata ini membantu memahami dengan terperinci amaun dan komposisi kutipan dan agihan zakat yang dibuat oleh entiti dalam tahun semasa dan perubahan amaun zakat yang belum diagihkan dalam tempoh pelaporan. Maklumat tentang jenis agihan zakat sama ada konsumtif, produktif atau perolehan aset kegunaan asnaf dapat memberi pemahaman keutamaan entiti dalam pengagihan zakat yang diperlukan pada masa hadapan untuk menyokong objektif penyampaian perkhidmatan.
- 3.18. Maklumat tentang kedudukan kewangan, prestasi kewangan, aliran tunai dan kutipan dan agihan zakat biasanya dibentangkan dalam penyata kewangan. Maklumat bagi kedudukan kewangan dan aliran tunai dibentangkan secara berlajur mengikut kumpulan wang bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang operasi setiap kumpulan wang dan transaksi antara kumpulan wang. Untuk membantu pengguna memahami dan mentafsir mengikut konteks dengan lebih baik, maklumat yang dibentangkan dalam penyata kewangan, PKTU juga boleh menyediakan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang menambah baik, melengkapkan dan suplemen penyata kewangan, termasuk maklumat tentang berkaitan entiti seperti:
- a. Pematuhan kepada undang-undang atau fatwa yang telah diwartakan;
 - b. Pematuhan kepada belanjawan yang diluluskan dan pihak berkuasa yang mengawal operasinya;
 - c. Aktiviti penyampaian perkhidmatan dan pencapaiannya dalam tempoh pelaporan; dan
 - d. Jangkaan mengenai penyampaian perkhidmatan dan aktiviti lain pada masa hadapan, dan kesan jangka panjang akibat keputusan yang dibuat dan aktiviti yang dijalankan semasa tempoh pelaporan, termasuk yang mungkin memberi impak terhadap jangkaan masa hadapan.

Maklumat ini boleh dibentangkan sebagai nota kepada penyata kewangan atau laporan berasingan dalam PKTU.

Maklumat Belanjawan dan Pematuhan Undang-undang yang Mentadbir Penjanaan dan Penggunaan Sumber

- 3.19. Dalam sesetengah kes, entiti akan menyediakan, meluluskan dan mewartakan belanjawan tahunan secara terbuka. Belanjawan yang diluluskan menyediakan maklumat kewangan kepada pihak yang berminat tentang perancangan operasi entiti untuk tempoh yang akan datang, keperluan modal/dana, objektif dan jangkaan penyampaian perkhidmatan entiti. Ia digunakan untuk menjustifikasikan penjanaan sumber daripada pembayar zakat, pewakaf tunai dan penyedia sumber lain, dan mewujudkan kuasa untuk membelanjakan atau mengagihkan sumber.

- 3.20. Beberapa sumber untuk menyokong aktiviti entiti mungkin diterima daripada penyedia sumber seperti pembayar zakat, pewakaf tunai, penderma dan penyedia sumber lain atau hasil daripada transaksi pertukaran. Walau bagaimanapun, sumber untuk menyokong aktiviti entiti kebanyakannya disediakan dalam transaksi bukan pertukaran oleh pembayar zakat dan lain-lain, konsisten dengan jangkaan yang digambarkan dalam belanjawan yang diluluskan.
- 3.21. PKTU menyediakan maklumat tentang keputusan kewangan (sama ada digambarkan sebagai “lebih atau kurang”, “untung atau rugi”, atau dengan istilah lain), prestasi dan aliran tunai entiti semasa tempoh pelaporan, aset dan liabilitinya pada tarikh pelaporan dan perubahan di dalamnya semasa tempoh pelaporan, dan pencapaian penyampaian perkhidmatannya.
- 3.22. Maklumat yang dimasukkan dalam PKTU membantu pengguna dalam menilai setakat mana hasil, belanja, aliran tunai dan keputusan kewangan entiti mengikut anggaran dalam belanjawan yang diluluskan dan mentadbir penjaan dan penggunaan sumber adalah penting dalam menentukan setakat mana entiti mencapai objektif kewangannya. Maklumat sedemikian adalah penting untuk melaksanakan akauntabiliti entiti kepada masyarakat umum terutama umat Islam, mempertingkatkan penilaian prestasi kewangan entiti dan pembuatan keputusan yang tepat.

Pencapaian Penyampaian Perkhidmatan

- 3.23. Objektif utama entiti adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan kepada masyarakat Islam. Justeru, prestasi kewangan entiti tidak akan ditunjukkan sepenuhnya atau secukupnya melalui ukuran keputusan kewangan. Oleh itu, keputusan kewangan entiti perlu dinilai dalam konteks pencapaian objektif penyampaian perkhidmatan.
- 3.24. Dalam sesetengah kes, ukuran kuantitatif output dan keberhasilan aktiviti penyampaian perkhidmatan entiti dalam tempoh pelaporan akan memberikan maklumat relevan tentang pencapaian objektif penyampaian perkhidmatan. Sebagai contoh, maklumat berkaitan kos, volum dan kekerapan penyampaian perkhidmatan, serta hubungan antara perkhidmatan yang disediakan dengan sumber entiti. Dalam kes lain, pencapaian objektif penyampaian perkhidmatan mungkin perlu disampaikan melalui penjelasan tentang kualiti perkhidmatan tertentu yang disediakan atau keberhasilan daripada program tertentu.
- 3.25. Melaporkan maklumat bukan kewangan dan kewangan tentang aktiviti penyampaian perkhidmatan, pencapaian dan/atau keberhasilan dalam tempoh pelaporan akan memberikan input kepada penilaian operasi entiti secara ekonomi, cekap, mampan, berkesan dan beretika berdasarkan syariah. Melaporkan maklumat tersebut adalah perlu bagi entiti untuk menunaikan tanggungjawab iaitu, untuk mengakaunkan, dan menjustifikasikan penggunaan, sumber yang dijana daripada, atau bagi pihak masyarakat umum terutama umat Islam. Keputusan yang dibuat oleh penyedia sumber tentang pengagihan sumber kepada entiti dan program tertentu, yang kadangkala, sebagai respon kepada maklumat tentang pencapaian penyampaian perkhidmatan dalam tempoh pelaporan, dan objektif penyampaian perkhidmatan masa hadapan.

Maklumat Prospektif Kewangan dan Bukan Kewangan

- 3.26. Memandangkan jangka hayat entiti dan programnya sebagai sektor awam adalah bersifat jangka panjang, kesan kewangan daripada keputusan-keputusan yang dibuat dalam tempoh pelaporan mungkin hanya menjadi jelas beberapa tahun ke hadapan. Penyata kewangan yang membentangkan maklumat tentang kedudukan kewangan pada satu masa dan prestasi kewangan dan aliran tunai sepanjang tempoh pelaporan kemudiannya perlu dinilai dalam konteks jangka masa panjang.

- 3.27. Keputusan yang dibuat oleh entiti dalam tempoh tertentu tentang program untuk menyampaikan dan mendanai perkhidmatan pada masa hadapan boleh membawa kesan yang signifikan untuk:
- a. Masyarakat umum terutama umat Islam yang akan bergantung kepada perkhidmatan tersebut pada masa hadapan; dan
 - b. Generasi semasa dan masa depan pembayar zakat dan penyedia sumber lain yang akan menyediakan dana untuk aktiviti penyampaian perkhidmatan yang dirancang dan komitmen kewangan yang berkaitan.
- 3.28. Maklumat tentang aktiviti dan objektif penyampaian perkhidmatan masa hadapan yang dijangkakan oleh entiti, berkemungkinan memberi kesan ke atas keperluan sumber masa hadapan entiti dan kemungkinan sumber pendanaan tersebut. Maklumat ini diperlukan sebagai input kepada sebarang penilaian berkaitan keupayaan entiti untuk memenuhi komitmen penyampaian perkhidmatan dan kewangannya pada masa hadapan. Pendedahan maklumat sedemikian dalam PKTU akan menyokong penilaian kemampuan penyampaian perkhidmatan oleh entiti, meningkatkan akauntabiliti dan menyediakan maklumat tambahan yang berguna untuk tujuan pembuatan keputusan.

Maklumat Penerangan

- 3.29. Maklumat tentang faktor utama yang mendasari prestasi kewangan dan penyampaian perkhidmatan bagi entiti semasa tempoh pelaporan dan andaian yang menyokong jangkaan tersebut serta faktor yang berkemungkinan mempengaruhi prestasi masa hadapan entiti boleh dibentangkan dalam PKTU dalam nota kepada penyata kewangan atau dalam laporan berasingan. Maklumat sedemikian akan membantu pengguna untuk lebih memahami dalam konteks maklumat kewangan dan bukan kewangan yang disertakan dalam PKTU, dan mempertingkatkan peranan PKTU dalam menyediakan maklumat yang berguna untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan.

Penyata Kewangan dan Maklumat yang Menambah Baik, Melengkapkan dan Suplemen Penyata Kewangan

- 3.30. Skop pelaporan kewangan menetapkan sempadan bagi transaksi, peristiwa lain dan aktiviti yang mungkin dilaporkan dalam PKTU. Untuk respon terhadap keperluan maklumat oleh pengguna, Kerangka Kerja Konseptual menjelaskan skop pelaporan kewangan yang lebih komprehensif daripada yang dirangkumkan dalam penyata kewangan. Ia menyediakan maklumat tambahan yang menambah baik, melengkapkan dan suplemen penyata kewangan dalam pembentangan PKTU.
- 3.31. Apabila Kerangka Kerja Konseptual menjelaskan skop pelaporan kewangan yang lebih komprehensif daripada yang terkandung dalam penyata kewangan, maklumat yang dibentangkan dalam penyata kewangan kekal sebagai teras pelaporan kewangan. Bab 6, Elemen dalam Penyata Kewangan dalam Kerangka Kerja Konseptual menerangkan bagaimana elemen penyata kewangan ditakrifkan, diiktiraf dan diukur serta bentuk pembentangan dan komunikasi yang mungkin diadaptasi untuk dimasukkan dalam PKTU mengikut kesesuaian.

Sumber Lain bagi Maklumat

- 3.32. PKTU memainkan peranan signifikan dalam menyampaikan maklumat yang diperlukan untuk menyokong pelaksanaan obligasi entiti untuk dipertanggungjawabkan, serta menyediakan maklumat yang berguna sebagai input untuk tujuan pembuatan keputusan. Walau bagaimanapun, tidak mungkin PKTU akan dapat menyediakan semua maklumat yang diperlukan pengguna untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Sebagai contoh, bilamana perbandingan maklumat sebenar dengan belanjawan dalam tempoh pelaporan boleh dimasukkan dalam PKTU, belanjawan dan ramalan kewangan yang dikeluarkan oleh entiti menyediakan maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan yang lebih terperinci tentang ciri-ciri perancangan kewangan entiti dalam jangka masa pendek dan sederhana.

BAB 4 – CIRI-CIRI KUALITATIF

Pengenalan

- 4.1. PKTU membentangkan maklumat kewangan dan bukan kewangan tentang fenomena ekonomi dan lain-lain. Ciri-ciri maklumat kualitatif dalam PKTU ialah sifat yang menjadikan maklumat tersebut berguna kepada pengguna dan menyokong pencapaian objektif pelaporan kewangan. Objektif pelaporan kewangan adalah untuk menyediakan maklumat yang berguna untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan.
- 4.2. Ciri-ciri maklumat kualitatif dalam PKTU entiti yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf ialah kebolehpercayaan, kerelevanan, pemasaan, gambaran sebenar, mementingkan inti pati dan rupa bentuk, boleh difahami, kebolehbandingan dan kos atau usaha tidak wajar.
- 4.3. Kekangan ke atas maklumat yang dimasukkan dalam PKTU adalah kematanan, kos dan usaha tak wajar, dan mencapai keseimbangan yang sesuai antara ciri-ciri kualitatif.
- 4.4. Setiap ciri-ciri kualitatif adalah bersepadu dan berfungsi dengan ciri-ciri lain untuk disediakan dalam maklumat PKTU yang berguna untuk mencapai objektif pelaporan kewangan. Walau bagaimanapun, dalam amalan, semua ciri kualitatif mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya dan keseimbangan atau tukar ganti antara ciri-ciri tertentu mungkin diperlukan.
- 4.5. Ciri-ciri kualitatif digunakan untuk semua maklumat kewangan dan bukan kewangan yang dilaporkan dalam PKTU, termasuk maklumat sejarah dan prospektif, dan maklumat penjelasan. Walau bagaimanapun, ciri-ciri kualitatif yang boleh dicapai mungkin berbeza bergantung kepada tahap ketidakpastian dan penilaian subjektif atau pandangan yang diambil kira dalam mengumpulkan maklumat kewangan dan bukan kewangan. Keperluan untuk panduan tambahan dalam interpretasi dan mengguna pakai ciri-ciri kualitatif kepada maklumat untuk meluaskan skop pelaporan kewangan yang melangkaui penyata kewangan akan dipertimbangkan dalam pembangunan seksyen-seksyen dalam PPIBZW.

Ciri-ciri Kualitatif Maklumat dalam Penyata Kewangan

Kebolehpercayaan

- 4.6. Pengguna PKTU cenderung kepada maklumat yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Kebolehpercayaan ialah ciri yang menyakinkan pengguna untuk bergantung kepada maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, kebolehpercayaan tidak bermaksud ketepatan mutlak kerana maklumat perakaunan secara asasnya menggambarkan anggaran dan pertimbangan. Sebaliknya, kebolehpercayaan adalah berdasarkan semua keadaan khusus yang berkisar kepada transaksi atau peristiwa tertentu, kaedah yang dipilih untuk mengukur dan/atau mendedahkan kesannya yang menghasilkan maklumat bagi menggambarkan inti pati peristiwa atau transaksi tersebut. Anggaran dan pertimbangan boleh digunakan dalam kaedah perakaunan selagi tidak bertentangan dengan prinsip syariah.

Ditentukan

- 4.7. Ditentukan ialah kualiti maklumat yang membantu meyakinkan pengguna bahawa maklumat dalam PKTU memberi gambaran sebenar mengenai fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili. Kebolehsokongan kadangkala digunakan untuk menggambarkan kualiti ini apabila digunakan berkaitan dengan maklumat penerangan dan maklumat kuantitatif kewangan dan bukan kewangan yang prospektif dan didedahkan dalam PKTU, iaitu kualiti maklumat yang membantu meyakinkan pengguna bahawa maklumat penerangan dan maklumat kuantitatif kewangan dan bukan kewangan yang prospektif dengan gambaran sebenar mengenai fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili. Sama ada dirujuk sebagai ditentukan atau kebolehsokongan, ciri tersebut bermaksud pemerhati berbeza yang bebas dan berpengetahuan boleh mencapai persetujuan umum, walaupun tidak mencapai kesepakatan, sama ada:
- a. Maklumat fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili tanpa kesilapan material atau berat sebelah; atau
 - b. Kaedah pengiktirafan, pengukuran atau pembentangan yang sesuai telah digunakan tanpa kesilapan material atau berat sebelah.
- 4.8. Penentusahan mungkin berlaku secara langsung atau tidak langsung. Dengan penentusahan langsung, amaun atau kaedah pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan disahkan dengan sendirinya, seperti (a) mengira tunai, (b) memerhati sekuriti boleh pasar dan harga tersiar, atau (c) mengesahkan bahawa faktor yang mempengaruhi prestasi penyampaian perkhidmatan lampau wujud, dan beroperasi dengan kesan yang telah dikenal pasti. Dengan penentusahan tidak langsung, jumlah atau kaedah pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan lain disahkan dengan menyemak input dan mengira semula output menggunakan konvensyen atau metodologi perakaunan yang sama. Contohnya ialah menentusahkan amaun bawaan inventori dengan menyemak input (kuantiti dan kos) dan mengira semula inventori akhir dengan menggunakan andaian aliran kos yang sama (seperti kos purata atau masuk-dulu, keluar-dulu).
- 4.9. Kualiti ditentukan (atau kebolehsokongan jika istilah sedemikian digunakan untuk menggambarkan ciri ini) bukanlah suatu yang mutlak sesetengah maklumat mungkin lebih berupaya atau kurang berupaya untuk ditentukan berbanding dengan maklumat lain. Walau bagaimanapun, semakin tinggi tahap boleh ditentukan maklumat dalam PKTU, semakin tinggi tahap keyakinan pengguna bahawa maklumat itu memberi gambaran sebenar mengenai fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili.
- 4.10. PKTU entiti boleh termasuk maklumat kewangan dan maklumat kuantitatif lain dan penerangan mengenai (a) pengaruh utama ke atas prestasi entiti dalam tempoh tersebut, (b) jangkaan kesan masa hadapan atau keberhasilan program penyampaian perkhidmatan yang dijalankan dalam tempoh pelaporan, dan (c) maklumat prospektif kewangan dan bukan kewangan. Ketepatan semua kaedah kuantitatif pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan dan penjelasan mengenai maklumat tersebut mungkin tidak dapat ditentukan sehingga tempoh masa hadapan, jika ada.
- 4.11. Untuk membantu meyakinkan pengguna bahawa maklumat kuantitatif prospektif kewangan dan bukan kewangan dan penerangan dalam PKTU adalah gambaran sebenar fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili, andaian yang mendasari maklumat yang didedahkan, metodologi yang digunakan dalam menyusun maklumat tersebut, dan faktor serta keadaan yang menyokong sebarang pendapat yang dinyatakan atau pendedahan yang dibuat hendaklah telus. Ini akan membolehkan pengguna membuat pertimbangan tentang kesesuaian andaian tersebut dan kaedah penyusunan, pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan serta tafsiran maklumat.

Kerelevanan

- 4.12. Maklumat kewangan dan bukan kewangan adalah relevan jika ia berupaya membuat perubahan dalam mencapai objektif pelaporan kewangan. Maklumat kewangan dan bukan kewangan berupaya membuat perubahan apabila mempunyai nilai pengesahan, nilai jangkaan yang mempunyai asas kukuh atau kedua-duanya. Maklumat tersebut berupaya membuat perubahan, dan dengan itu relevan, walaupun sesetengah pengguna memilih untuk tidak memanfaatkannya atau telah maklum mengenainya.
- 4.13. Maklumat kewangan dan bukan kewangan mempunyai nilai pengesahan jika ia mengesahkan atau mengubah jangkaan lampau (atau jangkaan kini). Sebagai contoh, maklumat menjadi relevan bagi tujuan akauntabiliti dan membuat keputusan jika maklumat tersebut mengesahkan jangkaan mengenai perkara seperti sejauh mana pengurus telah melaksanakan akauntabiliti mereka untuk penggunaan sumber yang cekap dan berkesan, pencapaian objektif penyampaian perkhidmatan yang ditetapkan dan pematuhan kepada belanjawan yang relevan, perundangan dan keperluan lain yang berkaitan.
- 4.14. PKTU boleh membentangkan maklumat mengenai jangkaan aktiviti penyampaian perkhidmatan masa hadapan entiti, objektif dan kos, dan jumlah serta punca sumber yang diperuntukkan bagi tujuan menyediakan perkhidmatan pada masa hadapan. Maklumat yang berorientasikan masa hadapan boleh mempunyai nilai jangkaan dan relevan untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Maklumat mengenai fenomena ekonomi dan lain-lain yang wujud atau telah berlaku juga boleh mempunyai nilai jangkaan dalam membantu membentuk jangkaan tentang masa hadapan. Sebagai contoh, maklumat yang mengesahkan atau menafikan jangkaan masa lampau boleh mengukuhkan atau mengubah jangkaan tentang keputusan kewangan dan keberhasilan penyampaian perkhidmatan yang boleh berlaku pada masa hadapan.
- 4.15. Peranan maklumat pengesahan dan maklumat ramalan adalah saling berkait—contohnya, maklumat mengenai tahap dan struktur semasa sumber dan tuntutan terhadap sumber entiti membantu pengguna mengesahkan keberhasilan strategi pengurusan sumber dalam tempoh pelaporan, dan meramalkan keupayaan entiti untuk bertindak balas terhadap keadaan yang berubah-ubah dan keperluan penyampaian perkhidmatan masa hadapan yang dijangkakan. Maklumat yang sama membantu mengesahkan atau membetulkan jangkaan dan ramalan masa lampau pengguna tentang keupayaan entiti untuk bertindak balas terhadap perubahan tersebut. Maklumat tersebut juga membantu untuk mengesahkan atau membetulkan maklumat prospektif kewangan dalam PKTU terdahulu.

Pemasaan

- 4.16. Pemasaan bermaksud mempunyai maklumat yang tersedia untuk pengguna sebelum maklumat tersebut hilang keupayaan untuk berguna bagi tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Mempunyai maklumat yang relevan tersedia lebih awal boleh meningkatkan kegunaannya sebagai input kepada penaksiran akauntabiliti dan keupayaan untuk memaklumkan dan mempengaruhi keputusan yang perlu dibuat. Kekangan pemasaan boleh menyebabkan maklumat menjadi kurang berguna.

- 4.17. Sesetengah item maklumat boleh terus berguna dalam jangka masa yang lama selepas tempoh pelaporan atau tarikh pelaporan. Sebagai contoh, untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan, pengguna PKTU boleh menaksir trend dalam prestasi penyampaian kewangan dan perkhidmatan entiti dan pematuhannya terhadap belanjawan sepanjang beberapa tempoh pelaporan. Di samping itu, keberhasilan dan kesan daripada beberapa program penyampaian perkhidmatan mungkin tidak dapat ditentukan sehingga tempoh masa hadapan—contohnya, ini mungkin berlaku berkenaan dengan program yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat umum terutama umat Islam, membekalkan kenderaan bermotor bagi menjana pendapatan asnaf fakir miskin.

Gambaran Sebenar

- 4.18. Untuk menjadi berguna dalam pelaporan kewangan, maklumat mestilah memberikan gambaran sebenar bagi fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili. Gambaran sebenar dicapai apabila maklumat memaparkan fenomena yang lengkap, neutral, dan bebas daripada kesilapan material. Maklumat yang memberikan gambaran sebenar fenomena ekonomi atau lain-lain memaparkan inti pati asas transaksi, peristiwa, aktiviti atau keadaan lain yang tidak semestinya sentiasa sama dengan bentuk sahnya.
- 4.19. Dalam amalan, adalah tidak mungkin untuk mengetahui atau mengesahkan sama ada maklumat yang dibentangkan dalam PKTU adalah lengkap, neutral dan bebas daripada kesilapan material. Walau bagaimanapun, maklumat hendaklah sebaik mungkin lengkap, neutral dan bebas daripada kesilapan.
- 4.20. Suatu ketinggalan beberapa maklumat boleh menyebabkan fenomena ekonomi atau lain-lain yang sepatutnya dibentangkan menjadi palsu atau mengelirukan, dan dengan itu tidak berguna kepada pengguna PKTU. Sebagai contoh, paparan lengkap item "loji dan peralatan" dalam PKTU termasuk dalam bentuk angka bagi jumlah agregat loji dan peralatan bersama-sama dengan maklumat kuantitatif lain, deskriptif dan penerangan yang perlu untuk memberikan gambaran sebenar kelas aset tersebut. Dalam sesetengah kes, ini boleh termasuk pendedahan maklumat mengenai perkara seperti kelas utama loji dan peralatan, faktor yang telah menjejaskan penggunaannya pada masa lampau atau mungkin memberi kesan kepada penggunaannya pada masa hadapan dan asas serta proses untuk menentukan angka yang dibentangkan. Maklumat prospektif kewangan dan bukan kewangan serta maklumat mengenai pencapaian objektif dan keberhasilan penyampaian perkhidmatan yang termasuk dalam PKTU perlu dibentangkan bersama-sama andaian utama yang menjadi asas maklumat tersebut dan sebarang penerangan yang diperlukan untuk memastikan paparan lengkap dan berguna kepada pengguna.
- 4.21. Neutral dalam pelaporan kewangan ialah tiada berat sebelah. Ini bermaksud pemilihan dan pembentangan maklumat kewangan dan bukan kewangan tidak dibuat dengan tujuan untuk mencapai keputusan tertentu yang telah ditetapkan. Contohnya, untuk mempengaruhi dalam cara tertentu penilaian pengguna terhadap pelaksanaan akauntabiliti oleh entiti atau keputusan atau pertimbangan yang akan dibuat, atau untuk mendorong tingkah laku tertentu.
- 4.22. Maklumat neutral memberikan gambaran sebenar fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menghendaki maklumat dalam PKTU untuk menjadi neutral, tidak bermaksud maklumat tersebut tiada tujuan atau tidak mempengaruhi tingkah laku tetapi ciri neutral tidak menyinggung daripada ciri relevan. Relevan ialah ciri kualitatif dan mengikut takrif, maklumat yang relevan mampu mempengaruhi penaksiran dan keputusan pengguna.

- 4.23. Fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili dalam PKTU biasanya berlaku dalam keadaan ketidakpastian. Oleh itu, maklumat dalam PKTU selalunya termasuk anggaran yang mengambil kira pertimbangan pengurusan. Bagi memberikan gambaran sebenar suatu fenomena ekonomi atau lain-lain, anggaran mesti berdasarkan input yang sesuai dan setiap input mesti menggambarkan maklumat terbaik yang tersedia. Kewaspadaan diperlukan apabila berhadapan dengan ketidakpastian. Kadangkala terdapat keperluan untuk mendedahkan secara tepat dan jelas tahap ketidakpastian dalam maklumat kewangan dan bukan kewangan untuk memberi gambaran sebenar fenomena ekonomi dan lain-lain.
- 4.24. Bebas daripada kesilapan material tidak bermaksud ketepatan dalam semua aspek. Bebas daripada kesilapan material bermaksud tiada kesilapan atau ketinggalan yang material secara tunggal atau kolektif dalam menerangkan fenomena dan proses yang digunakan untuk menghasilkan maklumat yang dilaporkan telah dipilih dan diguna pakai tanpa sebarang kesilapan. Dalam sesetengah kes, adalah mungkin untuk menentukan ketepatan beberapa maklumat dalam PKTU. Sebagai contoh, jumlah pemindahan tunai ke kumpulan wang yang lain atau harga yang dibayar untuk pemerolehan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, dalam kes lain adalah tidak mungkin – contohnya, ketepatan anggaran nilai atau kos sesuatu item atau keberkesanan program penyampaian perkhidmatan mungkin tidak dapat ditentukan. Dalam kes ini, anggaran akan bebas daripada kesilapan material jika amaun dinyatakan dengan jelas sebagai anggaran, sifat dan batasan proses anggaran diterangkan, dan tiada kesilapan material telah dikenal pasti dalam memilih dan mengguna pakai proses yang sesuai untuk membangunkan anggaran.

Mementingkan Inti Pati dan Rupa Bentuk

- 4.25. Jika maklumat memberikan gambaran sebenar fenomena ekonomi dan lain-lain yang sepatutnya diwakili, adalah perlu diambil kira dan dibentangkan mengikut inti pati dan realiti ekonomi serta bentuk sahnya. Pelaporan kewangan melibatkan pertimbangan inti pati suatu fenomena ekonomi serta bentuk sahnya. Sebagai contoh, prinsip syariah menetapkan aset yang diwakafkan tidak boleh ditukar hak milik. Walau bagaimanapun, secara inti pati dan realiti ekonominya, manfaat aset tersebut dinikmati oleh pihak lain. Dalam konteks ini, maklumat aset tersebut dilaporkan dalam PKTU entiti kerana mempunyai bentuk sah dari segi pemilikan terhadap aset wakaf tersebut.
- 4.26. Dalam situasi lain, entiti tidak mempunyai bentuk sah, walau bagaimanapun, entiti mengiktiraf aset dalam PKTU entiti kerana entiti menikmati manfaat dan menanggung risiko disebabkan penggunaan aset tersebut dalam operasinya. Sebagai contoh, kerajaan negeri memberikan tanah kepada entiti untuk dimanfaatkan tanpa memindahkan hak milik dan entiti merekodkan sebagai aset dan dibentangkan dalam PKTU entiti.
- 4.27. Kerangka Kerja Konseptual ini mengambil kira inti pati dan bentuk sah adalah sama penting untuk menzahirkan akauntabiliti entiti yang fungsi utamanya mentadbir zakat, wakaf dan sumber am (hasil-hasil agama Islam) dan selari dengan matlamat entiti.

Boleh Difahami

- 4.28. Boleh difahami ialah kualiti maklumat yang membolehkan pengguna memahami maksudnya. PKTU entiti harus membentangkan maklumat dengan memberi respons kepada keperluan dan asas pengetahuan pengguna, dan kepada sifat maklumat yang dibentangkan. Contohnya, penerangan mengenai maklumat kewangan dan bukan kewangan serta ulasan mengenai penyampaian perkhidmatan dan pencapaian lain dalam tempoh pelaporan dan jangkaan untuk tempoh masa hadapan hendaklah dicatat dalam bahasa yang mudah, dan dibentangkan dengan cara yang mudah difahami oleh pengguna. Kebolehfahaman dipertingkatkan apabila maklumat diklasifikasikan, disifatkan dan dibentangkan dengan jelas, ringkas dan padat. Kebolehbandingan juga boleh meningkatkan kebolehfahaman.

- 4.29. Pengguna PKTU diandaikan mempunyai pengetahuan yang munasabah mengenai aktiviti entiti dan persekitaran entiti beroperasi, boleh dan bersedia untuk membaca PKTU, dan untuk menyemak dan menganalisis maklumat yang dibentangkan dengan ketekunan yang munasabah. Sesetengah fenomena ekonomi dan lain-lain adalah sangat kompleks dan sukar untuk dibentangkan dalam PKTU, dan sesetengah pengguna mungkin perlu mendapatkan bantuan penasihat untuk membantu dalam memahaminya. Semua usaha harus dilakukan untuk membentangkan fenomena ekonomi dan lain-lain yang termasuk dalam PKTU dengan cara yang boleh difahami oleh pelbagai pengguna. Walau bagaimanapun, maklumat tidak boleh dikecualikan daripada PKTU semata-mata kerana maklumat tersebut mungkin terlalu rumit atau sukar untuk difahami oleh sesetengah pengguna tanpa bantuan.

Kebolehbandingan

- 4.30. Kebolehbandingan ialah kualiti maklumat yang membolehkan pengguna mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara dua set fenomena. Kebolehbandingan bukanlah kualiti item maklumat tunggal, sebaliknya kualiti hubungan antara dua atau lebih item maklumat.
- 4.31. Kebolehbandingan berbeza daripada ketekalan. Ketekalan merujuk kepada penggunaan prinsip atau polisi perakaunan dan asas penyediaan yang sama, sama ada dari satu tempoh ke satu tempoh dalam entiti atau dalam satu tempoh merentasi lebih daripada satu entiti. Kebolehbandingan adalah matlamat, dan ketekalan membantu dalam mencapai matlamat tersebut. Dalam sesetengah kes, prinsip atau polisi perakaunan yang diguna pakai oleh entiti mungkin dipinda untuk menunjukkan dengan lebih baik transaksi atau peristiwa tertentu yang sepatutnya diwakili dalam PKTU. Dalam kes ini, pendedahan atau penjelasan tambahan mungkin perlu dimasukkan untuk memenuhi sifat kebolehbandingan.
- 4.32. Kebolehbandingan juga berbeza daripada keseragaman. Untuk mendapatkan maklumat yang boleh banding, perkara yang sama mesti kelihatan sama dan perkara yang berbeza mesti kelihatan berbeza. Penekanan yang berlebihan pada keseragaman boleh mengurangkan kebolehbandingan dengan membuat perkara yang berbeza kelihatan sama. Kebolehbandingan maklumat dalam PKTU tidak dipertingkatkan dengan menjadikan perkara yang berbeza kelihatan sama, apatah lagi dengan membuat perkara yang sama kelihatan berbeza.
- 4.33. Maklumat tentang kedudukan kewangan entiti, prestasi kewangan, aliran tunai, pematuhan dengan belanjawan yang diluluskan dan perundangan berkaitan atau pihak berkuasa lain yang mengawal penjanaan dan penggunaan sumber, pencapaian penyampaian perkhidmatan dan rancangan masa hadapan adalah perlu untuk tujuan akauntabiliti dan berguna sebagai input untuk tujuan pembuatan keputusan. Kegunaan maklumat tersebut dipertingkatkan jika maklumat tersebut boleh dibandingkan dengan, sebagai contoh:
- a. Maklumat prospektif kewangan dan bukan kewangan yang dibentangkan terdahulu untuk tempoh pelaporan atau tarikh pelaporan tersebut;
 - b. Maklumat serupa tentang entiti yang sama untuk beberapa tempoh lain atau titik masa lain; dan
 - c. Maklumat serupa tentang entiti lain (contohnya, entiti yang menyediakan perkhidmatan serupa dalam bidang kuasa berbeza) untuk tempoh pelaporan yang sama.
- 4.34. Penggunaan prinsip perakaunan, polisi dan asas penyediaan secara konsisten kepada maklumat prospektif kewangan dan bukan kewangan serta keberhasilan sebenar akan meningkatkan kebergunaan sebarang perbandingan keputusan yang diunjurkan dan yang sebenar. Kebolehbandingan dengan entiti lain mungkin kurang signifikan untuk penerangan mengenai persepsi atau pendapat pengurusan tentang faktor yang mendasari prestasi semasa entiti.

Kos atau Usaha Tidak Wajar

- 4.35. Penyediaan pelaporan kewangan melibatkan kos. Manfaat pelaporan kewangan harus mewajarkan kos tersebut. Menaksirkan sama ada manfaat menyediakan maklumat yang mewajarkan kos berkaitan, selalunya menjadi pertimbangan kerana selalunya tidak mungkin untuk mengenal pasti dan/atau mengukur semua kos dan semua manfaat maklumat dalam PKTU.
- 4.36. Kos untuk menyediakan maklumat termasuk kos mengumpul dan memproses maklumat, kos mengesahkannya dan/atau membentangkan andaian dan metodologi yang menyokongnya, dan kos menghebahkannya. Pengguna menanggung kos analisis dan interpretasi. Ketinggalan maklumat berguna juga melibatkan kos, termasuk kos yang ditanggung pengguna untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada sumber lain dan kos yang perlu ditanggung kesan daripada pembuatan keputusan menggunakan data tidak lengkap yang disediakan oleh PKTU.
- 4.37. Penyedia menggunakan sebahagian besar usaha untuk menyediakan maklumat dalam PKTU. Walau bagaimanapun, penerima perkhidmatan dan penyedia sumber akhirnya menanggung kos terhadap usaha tersebut kerana sumber dialihkan daripada aktiviti penyampaian perkhidmatan kepada penyediaan maklumat untuk dimasukkan dalam PKTU.
- 4.38. Pengguna mendapat sebahagian besar manfaat daripada maklumat yang diberikan dalam PKTU. Walau bagaimanapun, maklumat yang disediakan untuk PKTU juga boleh digunakan secara dalaman dan pembuatan keputusan yang lebih baik oleh pihak pengurusan. Pendedahan maklumat dalam PKTU selaras dengan konsep yang dikenal pasti dalam Kerangka Kerja Konseptual dan PPIBZW yang diperolehi daripadanya akan meningkatkan dan mengukuhkan persepsi terhadap ketelusan pelaporan kewangan oleh entiti. Oleh itu, entiti juga boleh mendapat manfaat dalam beberapa cara daripada maklumat yang diberikan oleh PKTU.
- 4.39. Penggunaan kekangan kos atau usaha tak wajar melibatkan penilaian sama ada manfaat pelaporan maklumat berkemungkinan mewajarkan kos yang ditanggung untuk menyediakan dan menggunakan maklumat tersebut. Apabila membuat penilaian ini, adalah perlu untuk mempertimbangkan sama ada satu atau lebih ciri kualitatif mungkin dikorbankan pada tahap tertentu untuk mengurangkan kos.
- 4.40. Dalam membangunkan PPIBZW, jawatankuasa PPI mempertimbangkan maklumat daripada penyedia, pengguna, ahli akademik dan lain-lain tentang jangkaan sifat dan kuantiti bagi kos atau usaha tidak wajar dalam keperluan cadangan. Pendedahan dan keperluan lain yang menyebabkan pembentangan maklumat berguna kepada pengguna PKTU untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan serta memenuhi ciri kualitatif yang ditetapkan oleh PPIBZW apabila manfaat pematuhan dengan pendedahan tersebut dan keperluan lain ditaksir oleh jawatankuasa PPI untuk mewajarkan kos mereka.

Kekangan Maklumat yang Disertakan dalam Pelaporan Kewangan Tujuan Umum

Kematanan

- 4.41. Maklumat adalah penting jika ketinggalan atau salah nyata boleh mempengaruhi pelaksanaan akauntabiliti oleh entiti, atau keputusan yang dibuat oleh pengguna berdasarkan PKTU entiti yang disediakan untuk tempoh pelaporan tersebut. Kematanan bergantung pada kedua-dua jenis dan jumlah item yang dinilai dalam keadaan tertentu setiap entiti. PKTU mungkin merangkumi maklumat kualitatif dan kuantitatif tentang pencapaian penyampaian perkhidmatan dalam tempoh pelaporan dan jangkaan tentang penyampaian perkhidmatan dan keberhasilan kewangan pada masa hadapan. Akibatnya, adalah tidak mungkin untuk menentukan ambang kuantitatif yang seragam di mana jenis maklumat tertentu menjadi material.
- 4.42. Penilaian kematanan akan dibuat dalam konteks persekitaran perundangan, institusi dan operasi di mana entiti beroperasi dan berkenaan dengan maklumat prospektif kewangan dan bukan kewangan, pengetahuan dan jangkaan penyedia mengenai masa hadapan. Pendedahan maklumat tentang pematuhan atau ketidakpatuhan terhadap perundangan, peraturan atau autoriti lain mungkin material kerana sifatnya tanpa mengira magnitud sebarang jumlah yang terlibat. Dalam menentukan sama ada sesuatu item adalah material dalam keadaan ini, pertimbangan akan diberikan kepada perkara seperti sifat, kesahan, sensitiviti dan akibat daripada transaksi dan peristiwa yang lampau atau yang dijangkakan, pihak yang terlibat dalam mana-mana transaksi sedemikian dan keadaan yang menimbulkannya.
- 4.43. Kematanan diklasifikasikan sebagai kekangan pada maklumat yang disertakan dalam PKTU dalam Kerangka Kerja Konseptual. Dalam membangunkan PPIBZW, jawatankuasa PPI akan mempertimbangkan kematanan kesan penggunaan dasar perakaunan tertentu, asas penyediaan atau pendedahan suatu item atau jenis maklumat. Tertakluk kepada keperluan mana-mana PPIBZW, entiti yang menyediakan PKTU juga akan mempertimbangkan kematanan, sebagai contoh, pemakaian dasar perakaunan tertentu dan pendedahan berasingan bagi item maklumat tertentu.

Keseimbangan antara Ciri-ciri Kualitatif

- 4.44. Ciri-ciri kualitatif bekerjasama untuk menyumbang kepada kebergunaan maklumat. Sebagai contoh, paparan gambaran sebenar fenomena yang tidak relevan atau paparan yang tidak memberikan gambaran sebenar fenomena yang relevan, akan menyebabkan maklumat menjadi tidak berguna. Begitu juga untuk menjadi relevan, maklumat mestilah tepat pada masanya dan boleh difahami.
- 4.45. Dalam sesetengah kes, pengimbangan atau pertukaran antara ciri kualitatif mungkin diperlukan untuk mencapai objektif pelaporan kewangan. Kepentingan relatif ciri kualitatif dalam setiap situasi perlu ditentukan melalui pertimbangan profesional. Matlamatnya adalah untuk mencapai keseimbangan yang sesuai antara ciri-ciri bagi memenuhi objektif pelaporan kewangan iaitu al-Adl, al-Ihsan dan al-Falah.

BAB 5 – ENTITI PELAPOR

Pengenalan

- 5.1. Bab ini menerangkan tentang ciri-ciri utama entiti pelapor yang menguruskan dan mentadbir harta umat Islam yang seumpamanya iaitu zakat, wakaf dan sumber am yang menyediakan PKTU.
- 5.2. Entiti pelapor boleh terdiri daripada dua atau lebih entiti berasingan yang membentangkan PKTU seumpama mereka adalah entiti tunggal yang dirujuk sebagai entiti pelapor kumpulan.

Ciri-ciri Utama Entiti Pelapor

- 5.3. Ciri-ciri utama entiti pelapor ialah:
 - a. entiti yang bertanggungjawab sebagai pemegang amanah, yang mengumpul sumber daripada, atau bagi pihak, masyarakat umum terutama umat Islam dan/atau menggunakan sumber bagi menjalankan aktiviti untuk manfaat, atau bagi pihak, masyarakat umum terutama umat Islam tersebut; dan
 - b. terdapat penerima manfaat/perkhidmatan atau penyedia sumber bergantung kepada PKTU entiti untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan akauntabiliti atau pembuatan keputusan.
- 5.4. Entiti boleh menubuhkan dan/atau beroperasi melalui unit pentadbiran seperti agensi atau anak syarikat. Ia juga mungkin beroperasi melalui amanah, pihak berkuasa berkanun dan entiti lain dengan identiti undang-undang yang berasingan atau autonomi operasi untuk melaksanakan atau sebaliknya menyokong penyediaan perkhidmatan kepada masyarakat umum terutama umat Islam. Organisasi lain juga boleh menjalankan aktiviti tertentu melalui, dan mungkin mendapat manfaat daripada dan terdedah kepada beban atau kerugian kewangan akibat daripada, aktiviti entiti dengan identiti undang-undang atau operasi yang berasingan autonomi.
- 5.5. PKTU disediakan untuk melaporkan maklumat yang berguna kepada pengguna bagi tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Penerima manfaat/perkhidmatan dan penyedia sumber ialah pengguna utama PKTU. Oleh itu, ciri-ciri utama entiti pelapor, termasuk entiti pelapor kumpulan, ialah kewujudan penerima manfaat/perkhidmatan atau penyedia sumber yang bergantung kepada PKTU entiti atau sekumpulan entiti tersebut untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan akauntabiliti atau pembuatan keputusan.
- 5.6. PKTU merangkumi penyata kewangan dan maklumat yang menambah baik, melengkapkan dan suplemen penyata kewangan. Penyata kewangan membentangkan maklumat tentang sumber entiti pelapor atau entiti pelapor kumpulan dan tuntutan (termasuk tuntutan syariah) kepada sumber tersebut pada tarikh pelaporan, dan perubahan kepada sumber dan tuntutan (termasuk tuntutan syariah) dan aliran tunai tersebut semasa tempoh pelaporan. Oleh itu, untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan, entiti pelapor akan mengumpul sumber dan/atau menggunakan sumber yang dikumpul sebelum ini untuk menjalankan aktiviti bagi manfaat, atau bagi pihak, masyarakat umum terutama umat Islam.

- 5.7. Faktor yang berkemungkinan menunjukkan kewujudan pengguna PKTU entiti atau kumpulan entiti termasuk entiti yang mempunyai tanggungjawab atau kapasiti untuk menjana atau menggunakan sumber, memperoleh atau mengurus aset umat Islam, menanggung liabiliti atau menjalankan aktiviti untuk mencapai objektif penyampaian perkhidmatan. Lebih besar sumber yang dikumpul, diurus dan/atau mempunyai kapasiti yang digunakan oleh entiti, lebih besar liabiliti yang ditanggung dan lebih besar kesan ekonomi atau aktiviti sosial. Oleh itu, lebih besar kemungkinan wujud penerima manfaat/perkhidmatan atau penyedia sumber yang bergantung kepada PKTU untuk mendapatkan maklumat mengenainya untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Sekiranya tiada faktor ini, atau jika ia tidak penting, tidak mungkin pengguna PKTU entiti ini akan wujud.
- 5.8. Entiti yang mentadbir zakat dan wakaf yang mempunyai identiti atau kedudukan undang-undang berasingan (identiti undang-undang). Walau bagaimanapun, organisasi, program dan aktiviti tanpa identiti undang-undang berasingan juga boleh menjana atau menggunakan sumber, memperoleh atau mengurus aset umat Islam, menanggung liabiliti, menjalankan aktiviti untuk mencapai objektif penyampaian perkhidmatan atau sebaliknya melaksanakan dasar kerajaan. Penerima manfaat/perkhidmatan dan penyedia sumber mungkin bergantung pada PKTU organisasi, program dan aktiviti ini untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Oleh itu, entiti pelapor mungkin mempunyai identiti undang-undang berasingan atau, sebagai contoh, organisasi, pentadbir atau program tanpa identiti undang-undang berasingan.

BAB 6 – ELEMEN DALAM PENYATA KEWANGAN

Pengenalan

- 6.1. Bab ini mentakrifkan elemen yang digunakan dalam penyata kewangan dan memberikan penjelasan lanjut tentang takrifan tersebut.
- 6.2. Elemen-elemen ini merangkumi aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja, kutipan zakat dan agihan serta komponen khusus seperti sumbangan daripada pewakaf, sumbangan pemilikan, dan pengagihan hak milik. Pemahaman terhadap elemen-elemen ini adalah penting bagi memastikan penyata kewangan disediakan secara tepat dan selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima pakai.

Elemen dan Kepentingannya

- 6.3. Penyata kewangan menggambarkan kesan kewangan dari transaksi dan peristiwa lain dengan mengumpulkannya mengikut klasifikasi utama yang berkongsi ciri ekonomi yang sama. Klasifikasi utama ini dipanggil elemen penyata kewangan. Elemen adalah asas utama yang membentuk penyata kewangan. Asas utama ini merupakan titik awal untuk merekod, mengklasifikasi dan mengagregatkan data serta aktiviti ekonomi dengan menyediakan maklumat yang memenuhi objektif pelaporan kewangan dan mencapai ciri kualitatif pelaporan kewangan serta mengambil kira kekangan pada maklumat dalam PKTU kepada pengguna.
- 6.4. Elemen-elemen yang ditakrifkan dalam bab ini tidak merujuk kepada suatu item tunggal yang diiktiraf sebagai kesan daripada transaksi dan peristiwa. Sub-klasifikasi item tunggal dalam elemen dan penjumlahan item digunakan untuk meningkatkan kefahaman terhadap penyata kewangan. Pembentangan dinyatakan dalam Bab 9, Pembentangan dalam Pelaporan Kewangan Tujuan Umum.
- 6.5. Dalam sesetengah keadaan, pengiktirafan fenomena ekonomi yang tidak diambil kira oleh elemen-elemen seperti yang ditakrifkan dalam Bab ini mungkin diperlukan untuk memastikan penyata kewangan menyediakan maklumat berguna untuk penaksiran yang bermakna berkaitan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan sesebuah entiti. Oleh itu, pengenalanpastian elemen-elemen dalam bab ini tidak menghalang PPIBZW daripada menghendaki atau membenarkan pengiktirafan sumber atau obligasi yang tidak memenuhi takrif elemen yang dikenal pasti dalam bab ini (selepas ini dirujuk sebagai "sumber lain" atau "obligasi lain") apabila perlu, untuk mencapai objektif pelaporan kewangan dengan lebih baik.

Takrif Elemen

- 6.6. Bab ini mentakrifkan elemen-elemen berikut:
 - a. Aset;
 - b. Liabiliti;
 - c. Dana amanah;
 - d. Hasil;
 - e. Belanja;
 - f. Kutipan zakat; dan
 - g. Agihan.

ASET

Takrif

- 6.7. Aset ialah sumber sama ada fizikal ('ain) atau bukan fizikal hasil daripada peristiwa lampau, yang dikawal (hiyazah) oleh entiti yang boleh memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang akan mengalir ke dalam entiti dan/atau penerima manfaat menurut hukum syarak.

Sumber

- 6.8. Sumber ialah item yang mempunyai potensi perkhidmatan atau keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi. Bentuk fizikal bukan syarat yang diperlukan bagi sesuatu sumber. Potensi perkhidmatan atau keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi boleh timbul secara langsung daripada sumber itu sendiri atau daripada hak untuk menggunakan sumber tersebut. Sesetengah sumber merangkumi hak entiti untuk pelbagai manfaat termasuk, sebagai contoh, hak untuk:
- a. menggunakan sumber untuk menyediakan perkhidmatan;
 - b. menggunakan sumber pihak luar untuk menyediakan perkhidmatan, contohnya, pajakan;
 - c. menukar sumber kepada wang tunai melalui pelupusannya;
 - d. mengganti suatu sumber dengan sumber lain yang nilai dan manfaatnya lebih baik melalui istibdal;
 - e. menerima manfaat daripada peningkatan nilai sumber; atau
 - f. menerima aliran tunai secara berterusan.
- 6.9. Dalam sesetengah keadaan, terdapat sumber yang mempunyai ketetapan tertentu menghendaki bagaimana sumber tersebut digunakan untuk tujuan tertentu termasuklah pelupusan selepasnya. Sebagai contoh, aset wakaf dan aset zakat yang mempunyai ketetapan syariah.
- 6.10. Potensi perkhidmatan ialah kapasiti untuk menyediakan perkhidmatan yang menyumbang kepada pencapaian objektif entiti. Potensi perkhidmatan membolehkan entiti mencapai objektifnya dan tidak semestinya menjana aliran tunai masuk bersih.
- 6.11. Aset entiti yang mempunyai potensi perkhidmatan mungkin termasuk wakaf, warisan, komuniti dan lain-lain yang dipegang oleh entiti dan entiti lain, dan yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan kepada pihak ketiga. Perkhidmatan sedemikian mungkin untuk penggunaan kolektif atau individu. Kebanyakan perkhidmatan mungkin disediakan di kawasan yang tiada persaingan pasaran atau persaingan pasaran terhad. Penggunaan dan pelupusan aset tersebut mungkin dihadkan kerana banyak aset yang mengandungi potensi perkhidmatan bersifat khusus atau ketetapan tertentu termasuk syariah.
- 6.12. Manfaat ekonomi ialah aliran masuk tunai atau pengurangan aliran keluar tunai. Aliran masuk tunai (atau pengurangan aliran keluar tunai) mungkin diperoleh daripada, sebagai contoh:
- a. Penggunaan aset dalam penyediaan perkhidmatan dan penjualan barangan; atau
 - b. Pertukaran langsung aset dengan wang tunai atau sumber lain.

Hak

6.13. Hak kepada potensi perkhidmatan atau keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi dalam pelbagai bentuk, termasuk:

- a. Hak yang berkaitan dengan obligasi pihak lain, sebagai contoh:
 - i. Hak untuk menerima wang tunai;
 - ii. Hak untuk menerima barangan atau perkhidmatan;
 - iii. Hak untuk bertukar sumber dengan pihak lain pada terma yang memuaskan. Hak tersebut termasuk, sebagai contoh, kontrak hadapan patuh syariah untuk membeli sumber dengan terma yang memuaskan pada masa kini; dan
 - iv. Hak untuk mendapat manfaat daripada obligasi pihak lain untuk memindahkan sumber jika peristiwa masa hadapan yang tidak pasti berlaku.
- b. Hak yang tidak berkaitan dengan obligasi pihak lain, contohnya:
 - i. Hak ke atas objek fizikal, seperti hartanah, loji dan peralatan atau inventori. Contoh hak tersebut ialah hak-guna objek fizikal atau hak untuk mendapat manfaat daripada objek yang dipajak; dan
 - ii. Hak guna harta intelek.

6.14. Kebanyakan hak wujud melalui syariah, undang-undang, pengaturan mengikat atau maksud yang sama. Sebagai contoh, entiti mungkin memperoleh hak daripada memiliki atau memajak objek fizikal, daripada memiliki instrumen pembiayaan atau pinjaman kepada anak syarikat, atau daripada memiliki perisian atau hak guna harta intelek. Walau bagaimanapun, entiti mungkin juga memperoleh hak dengan cara lain, contohnya:

- a. dengan memperoleh atau mencipta pengetahuan yang bukan dalam domain awam, seperti memiliki pentauliahkan bagi kursus pengurusan masjid dan tahfiz, atau mencipta modul pemulihan akidah; atau
- b. melalui pihak lain yang tidak mempunyai alternatif realistik bagi menyelesaikan obligasi yang wujud daripada peristiwa tersebut.

6.15. Bukan semua hak entiti adalah aset entiti tersebut. Untuk menjadi aset entiti, hak mesti:

- a. mempunyai potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi melebihi yang tersedia untuk semua pihak lain (rujuk perenggan 6.10 dan perenggan 6.12); dan
- b. dikawal oleh entiti (rujuk perenggan 6.19 dan perenggan 6.20).

Hak yang tersedia kepada semua pihak tanpa kos yang signifikan, biasanya bukan aset untuk entiti yang memegang hak ini. Contohnya, hak akses kepada barangan awam, seperti hak lalu lalang, atau pengetahuan yang ada dalam domain awam.

- 6.16. Secara prinsip, setiap hak entiti adalah aset yang berasingan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan perakaunan, hak yang berkaitan selalunya dianggap sebagai satu aset tunggal. Sebagai contoh, pemilikan undang-undang objek fizikal mungkin menimbulkan beberapa hak, termasuk hak untuk:
- a. Gunakan objek;
 - b. Menjual hak ke atas objek; dan
 - c. Mengikrarkan hak ke atas objek.
- 6.17. Dalam banyak kes, beberapa hak yang timbul daripada pemilikan undang-undang objek fizikal diambil kira sebagai aset tunggal. Secara konsep, sumber terdiri daripada beberapa hak dan bukan satu objek fizikal. Walau bagaimanapun, penjelasan tentang beberapa hak sebagai objek fizikal selalunya akan memberikan gambaran sebenar tentang hak tersebut dengan cara yang paling ringkas dan mudah difahami.
- 6.18. Hubungan antara hukum syarak, hak kedaulatan, sumber dan aset dibincangkan dalam perenggan 6.21.

Dikawal Kini oleh Entiti

- 6.19. Entiti mesti mempunyai kawalan ke atas sumber. Kawalan ke atas sumber melibatkan keupayaan entiti menggunakan sumber (atau mengarahkan pihak lain mengenai penggunaannya) untuk memperoleh manfaat potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi yang terkandung dalam sumber bagi pencapaian penyampaian perkhidmatannya atau objektif lain.
- 6.20. Dalam menaksir sama ada sumber yang kini dikawal oleh entiti, entiti menaksir sama ada wujud petunjuk kawalan berikut:
- a. Pemilikan sah (pemilikan sempurna atau tidak sempurna);
 - b. Akses kepada sumber, atau keupayaan untuk menafikan atau menyekat akses kepada sumber;
 - c. Kaedah tertentu untuk memastikan bahawa sumber digunakan bagi mencapai objektifnya; dan
 - d. Kewujudan hak yang boleh dikuatkuasakan ke atas potensi perkhidmatan atau keupayaan tertentu bagi menjana manfaat ekonomi yang timbul daripada suatu sumber.
 - e. Hak mengawal selia ke atas entiti lain yang menjalankan fungsi entiti walau bagaimanapun entiti masih mempunyai kuasa mutlak terhadap hak tersebut.

Walaupun petunjuk ini bukan penentu muktamad sama ada kawalan wujud, pengenalpastian dan analisisnya boleh menyokong keputusan tersebut.

Peristiwa Lampau

- 6.21. Takrif aset memerlukan sumber yang dikawal oleh entiti pada masa kini mesti timbul daripada suatu transaksi atau peristiwa lampau lain. Dalam sesetengah keadaan, entiti juga boleh mendapat kawalan ke atas sumber melalui beberapa transaksi atau peristiwa lampau lain. Entiti boleh mendapatkan aset dengan membelinya melalui transaksi pertukaran atau membinanya. Aset juga mungkin timbul melalui transaksi bukan pertukaran, termasuk melalui pelaksanaan hukum syarak. Dalam menaksir bila hak kawalan entiti terhadap sumber timbul, peristiwa berikut boleh dipertimbangkan iaitu:
- a. kewujudan kuasa berdasarkan hukum syarak;
 - b. keupayaan umum untuk mewujudkan kuasa;
 - c. penubuhan kuasa melalui statut;
 - d. menggunakan kuasa untuk mewujudkan hak; dan
 - e. peristiwa yang menimbulkan hak untuk menerima sumber daripada pihak luar. Aset timbul apabila kuasa dilaksanakan dan hak wujud untuk menerima sumber.

LIABILITI

Takrif

- 6.22. Liabiliti ialah obligasi kini entiti yang wujud kesan daripada peristiwa lampau, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar dari sumber entiti yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan.
- 6.23. Peristiwa lampau yang berlaku mungkin melibatkan suatu pindahan sumber daripada individu atau entiti lain (penyedia pindahan) kepada entiti (penerima pindahan) yang akan menyebabkan entiti perlu bertindak mengikut cara atau terma tertentu yang telah ditetapkan. Ketetapan ini mengandungi obligasi pelaksanaan yang perlu disempurnakan oleh entiti.

Obligasi Pelaksanaan

- 6.24. Obligasi pelaksanaan ialah pengaturan mengikat di antara penyedia pindahan dan penerima pindahan untuk memindahkan barangan, perkhidmatan atau aset lain. Ia berlaku apabila penerima pindahan dikehendaki untuk melaksanakan aktiviti boleh ditentukan atau menanggung perbelanjaan layak atas barangan, pemindahan perkhidmatan atau aset lain yang menimbulkan obligasi kini kepada penerima pindahan.
- 6.25. Obligasi pelaksanaan secara lazimnya dinyatakan secara eksplisit dalam kontrak atau pengaturan lain. Walau bagaimanapun terdapat obligasi pelaksanaan yang dinyatakan secara implisit contohnya, keperluan berkanun mungkin menimbulkan obligasi pelaksanaan tersirat bagi entiti yang merupakan tambahan kepada syarat perjanjian atau kontrak.
- 6.26. Entiti boleh mempunyai beberapa obligasi. Menentukan sama ada obligasi pelaksanaan tersebut menimbulkan liabiliti adalah bergantung kepada terma pengaturan mengikat tertentu dan harus dipertimbangkan mengikut piawaian.
- 6.27. Dalam kebanyakan keadaan, obligasi pelaksanaan melibatkan obligasi syariah. Contohnya, kutipan zakat hendaklah diagihkan kepada asnaf tertentu atau fidyah yang diterima perlu diberikan kepada golongan fakir miskin.

Obligasi Kini

- 6.28. Obligasi kini adalah obligasi yang mengikat apabila entiti mempunyai sedikit atau tiada alternatif yang realistik untuk mengelakkan aliran keluar sumber. Obligasi yang mengikat terdiri daripada obligasi syariah, obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif yang boleh timbul daripada transaksi pertukaran dan bukan pertukaran.
- 6.29. Banyak pengaturan yang menimbulkan obligasi menyatakan tarikh penyelesaian. Pernyataan tarikh penyelesaian mungkin memberikan petunjuk bahawa obligasi melibatkan pemindahan sumber dan menimbulkan liabiliti. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perjanjian yang tidak mengandungi tarikh penyelesaian. Ketiadaan tarikh penyelesaian tidak menghalang obligasi yang menimbulkan liabiliti.

Obligasi Syariah

- 6.30. Obligasi syariah ialah obligasi yang wujud daripada:
- a. Al-Quran;
 - b. As-sunnah;
 - c. Ijma;
 - d. Qiyas; dan/atau
 - e. Sumber-sumber hukum lain yang diterima.
- 6.31. Obligasi syariah wujud secara berasingan daripada obligasi undang-undang walaupun tanpa perlu dikuatkuasakan. Obligasi yang wujud kepada entiti untuk memenuhi keperluan syariah mungkin tidak dinyatakan dalam perundangan sedia ada tetapi dinyatakan dalam al-Quran, as-Sunnah, Ijma, Qiyas dan/atau sumber-sumber hukum lain yang diterima secara khusus.
- 6.32. Obligasi syariah juga wujud daripada pengaturan yang mengikat di antara penyedia pindahan dan penerima pindahan. Sebagai contoh, penyerahan aset untuk tujuan diwakafkan mewujudkan obligasi syariah kepada entiti untuk memenuhi niat pewakaf.

Obligasi Undang-undang

- 6.33. Obligasi undang-undang ialah obligasi yang wujud daripada:
- a. Kontrak;
 - b. Perundangan; atau
 - c. Apa-apa undang-undang yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa.
- 6.34. Obligasi undang-undang boleh dikuatkuasakan dalam perundangan. Obligasi boleh dikuatkuasakan tersebut mungkin timbul daripada pelbagai bentuk undang-undang. Transaksi pertukaran biasanya dalam bentuk kontrak dan oleh itu boleh dikuatkuasakan melalui undang-undang kontrak atau kuasa yang setara atau pengaturan yang setara. Bagi beberapa jenis transaksi bukan pertukaran, pertimbangan akan diperlukan untuk menentukan sama ada obligasi boleh dikuatkuasakan dalam undang-undang. Apabila ditentukan bahawa obligasi boleh dikuatkuasakan dalam undang-undang, tidak ada keraguan bahawa entiti tidak mempunyai alternatif yang realistik untuk mengelakkan obligasi dan liabiliti wujud.

- 6.35. Beberapa obligasi yang berkaitan dengan transaksi pertukaran tidak boleh dikuatkuasakan sepenuhnya oleh pihak luar pada tarikh pelaporan, tetapi akan dikuatkuasakan mengikut peredaran masa tanpa pihak luar perlu memenuhi syarat selanjutnya atau perlu mengambil sebarang tindakan lanjut sebelum penyelesaian. Tuntutan yang boleh dikuatkuasakan tanpa syarat tertakluk kepada peredaran masa adalah obligasi boleh dikuatkuasakan dalam konteks takrif liabiliti.

Obligasi yang Tidak Mengikat secara Undang-undang

- 6.36. Liabiliti boleh timbul daripada obligasi yang tidak mengikat secara undang-undang. Obligasi ini berbeza daripada obligasi undang-undang kerana pihak yang mempunyai obligasi tersebut tidak boleh mengambil tindakan undang-undang (atau yang setara) untuk menguatkuasakan penyelesaian. Obligasi tidak mengikat secara undang-undang yang menimbulkan liabiliti mempunyai ciri-ciri berikut:
- a. Entiti telah menunjukkan kepada pihak lain melalui corak amalan lampau, dasar yang diterbitkan atau kenyataan semasa yang cukup khusus bahawa entiti akan menerima tanggungjawab tertentu;
 - b. Akibatnya, entiti telah mewujudkan jangkaan yang sah kepada pihak lain bahawa entiti akan melaksanakan tanggungjawab tersebut; dan
 - c. Entiti mempunyai sedikit atau tiada alternatif yang realistik untuk mengelak daripada menyelesaikan obligasi yang timbul daripada tanggungjawab tersebut.
- 6.37. Obligasi mungkin timbul pada beberapa perkara. Sebagai contoh, dalam melaksanakan program atau perkhidmatan:
- a. Pengumuman dasar;
 - b. Pembentangan (dan kelulusan) belanjawan (yang mungkin dua perkara yang berbeza); dan
 - c. Belanjawan berkuat kuasa (dalam sesetengah bidang kuasa belanjawan tidak akan berkuat kuasa sehingga peruntukan telah disalurkan).
- 6.38. Peringkat awal pelaksanaan kemungkinan tidak akan menimbulkan obligasi kini yang memenuhi takrif liabiliti. Seterusnya, pihak penuntut yang memenuhi kriteria kelayakan untuk perkhidmatan yang akan diberikan, mungkin menimbulkan obligasi yang memenuhi takrif liabiliti.
- 6.39. Titik di mana obligasi menimbulkan liabiliti bergantung kepada sifat obligasi. Faktor-faktor yang berkemungkinan memberi kesan kepada pertimbangan sama ada pihak lain boleh membuat kesimpulan yang mengesahkan bahawa entiti mempunyai sedikit atau tiada alternatif yang realistik untuk mengelakkan aliran keluar sumber bagi obligasi tersebut termasuk:
- a. Sifat peristiwa lampau atau peristiwa yang menimbulkan obligasi. Sebagai contoh, pengumuman kewujudan skim bantuan derma siswa secara tahunan kepada pelajar, tertakluk kepada keupayaan kewangan entiti. Pengumuman ini mewujudkan jangkaan yang sah di pihak luar bahawa entiti tersebut mempunyai sedikit atau tiada alternatif yang realistik untuk dielakkan bagi obligasi tersebut. Walau bagaimanapun, pengumuman berhubung dengan peristiwa atau keadaan yang telah berlaku mungkin mempunyai tuntutan dan entiti tidak mempunyai pilihan untuk menarik diri. Apabila entiti telah komited untuk memperkenalkan dan memastikan kelulusan peruntukan belanjawan yang diperlukan, pengumuman sedemikian boleh menimbulkan obligasi yang tidak mengikat secara undang-undang;

- b. Keupayaan entiti untuk mengubah suai atau menukar obligasi sebelum ia menjadi jelas. Sebagai contoh, pengumuman mengenai dasar secara amnya tidak akan menimbulkan obligasi yang tidak mengikat secara undang-undang dan boleh diubah suai sebelum dilaksanakan. Begitu juga, jika obligasi adalah bergantung kepada peristiwa masa hadapan yang berlaku, mungkin terdapat budi bicara untuk mengelakkan aliran keluar sumber sebelum peristiwa tersebut berlaku; dan
- c. Mungkin terdapat korelasi antara ketersediaan pembiayaan untuk menyelesaikan obligasi tertentu dan mewujudkan obligasi kini. Contohnya, apabila kedua-dua baris item belanjawan telah diluluskan dan dana berkaitan dijamin melalui peruntukan. Walau bagaimanapun, ketiadaan peruntukan belanjawan itu sendiri tidak bermaksud bahawa obligasi kini tidak timbul.

6.40. Keadaan lain boleh menimbulkan situasi yang mana, walaupun entiti tidak mempunyai obligasi secara undang-undang untuk menanggung aliran keluar sumber, tekanan ekonomi atau politik menyebabkan entiti mungkin mempunyai sedikit atau tiada alternatif realistik untuk mengelakkan pengaliran keluar sumber yang menimbulkan liabiliti daripada obligasi yang tidak mengikat secara undang-undang.

Aliran Keluar Sumber daripada Entiti

6.41. Liabiliti mesti melibatkan aliran keluar sumber daripada entiti untuk diselesaikan. Obligasi yang boleh diselesaikan tanpa aliran keluar sumber daripada entiti bukanlah liabiliti.

Peristiwa Lampau

6.42. Untuk memenuhi takrif liabiliti, adalah perlu obligasi kini timbul akibat daripada transaksi atau peristiwa lampau lain yang memerlukan aliran keluar sumber daripada entiti. Program dan aktiviti entiti yang kompleks bermaksud beberapa peristiwa dalam pembangunan, pelaksanaan dan pengendalian program tertentu mungkin menimbulkan obligasi. Bagi tujuan pelaporan kewangan adalah perlu untuk menentukan sama ada komitmen dan obligasi tersebut, termasuk obligasi yang mengikat entiti mempunyai sedikit atau tiada alternatif realistik untuk dielakkan tetapi tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang (obligasi yang tidak mengikat secara sah) adalah obligasi kini dan memenuhi takrif sesuatu liabiliti. Apabila pengaturan mempunyai bentuk undang-undang dan mengikat, seperti kontrak, peristiwa lalu mungkin mudah untuk dikenal pasti. Dalam kes lain, mungkin lebih sukar untuk mengenal pasti peristiwa lampau dan pengenalpastian melibatkan penaksiran apabila entiti mempunyai sedikit atau tiada alternatif realistik untuk mengelakkan aliran keluar sumber daripada entiti. Dalam membuat penaksiran sedemikian entiti mengambil kira faktor bidang kuasa.

Kedudukan Kewangan Bersih, Sumber Lain dan Obligasi Lain

6.43. Seperti yang dijelaskan dalam perenggan 6.4, dalam beberapa kes, dalam membangunkan atau menyemak PPIBZW, Jawatankuasa PPI boleh menentukan bahawa untuk mencapai objektif pelaporan kewangan sumber atau obligasi yang tidak memenuhi takrif elemen yang ditakrifkan dalam Kerangka Kerja Konseptual perlu diiktiraf dalam penyata kewangan. Dalam kes ini, PPIBZW mungkin memerlukan atau membenarkan sumber atau obligasi ini diiktiraf sebagai sumber lain atau obligasi lain, yang merupakan item tambahan kepada tujuh (7) elemen yang ditakrifkan dalam Kerangka Kerja ini.

6.44. Kedudukan kewangan bersih ialah perbezaan antara aset dan liabiliti selepas menambah sumber lain dan menolak obligasi lain yang diiktiraf dalam penyataan kedudukan kewangan. Kedudukan kewangan bersih boleh menjadi jumlah baki positif atau negatif.

DANA AMANAH

Takrif

- 6.45. Dana Amanah adalah aliran masuk sumber yang disumbangkan oleh pewakaf atau pihak luar atas kapasiti sebagai pemilik dan baki sumber yang dikawal oleh entiti selepas ditolak dengan obligasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dan pengagihan kepada pemilik.
- 6.46. Dana amanah mengandungi sumbangan daripada pewakaf, sumbangan daripada pemilik, baki lebihan atau kurangan terkumpul, peningkatan dan pengurangan penilaian semula, rizab serta perbezaan pertukaran asing yang tertentu. Sumbangan daripada pewakaf terdiri daripada wakaf tunai dan wakaf bukan tunai dalam bentuk fizikal atau bukan fizikal. Dalam kebanyakan kes, sifat entiti sebagai pemegang amanah menyebabkan ia tidak mempunyai sumbangan daripada pemilik.
- 6.47. Dalam sesetengah kes, aliran keluar sumber mungkin berlaku yang menyebabkan pengurangan dalam dana amanah melalui transaksi istibdal. Aliran keluar sumber ini bersifat sementara sehingga aset wakaf yang diistibdalkan, diganti (aset gantian wakaf).

HASIL DAN BELANJA

Takrif

- 6.48. Hasil ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam dana amanah, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan daripada pewakaf atau pemilik.
- 6.49. Belanja ialah pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan dana amanah, selain yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik.

Peristiwa yang Menimbulkan Hasil dan Belanja

- 6.50. Hasil dan belanja timbul daripada transaksi pertukaran dan bukan pertukaran sama ada menerusi transaksi individu atau sekumpulan transaksi. Selain itu, peristiwa lain turut menimbulkan hasil dan belanja seperti:
- a. kenaikan dan penurunan yang tidak direalisasi dalam nilai aset dan liabiliti; dan
 - b. penggunaan aset melalui susut nilai dan penyusutan potensi perkhidmatan serta keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi melalui penjejasan nilai.
- 6.51. Dalam sesetengah keadaan, hasil juga timbul apabila obligasi pelaksanaan yang terkandung dalam transaksi bukan pertukaran telah dilunaskan. Hal ini terpakai bagi kutipan zakat dan hasil diiktiraf setelah agihan dibuat kepada asnaf yang merupakan suatu obligasi pelaksanaan kepada entiti.

Hasil Manfaat Zakat dan Wakaf

- 6.52. Hasil manfaat zakat dan wakaf ialah aliran masuk sumber sama ada melalui transaksi pertukaran atau transaksi bukan pertukaran. Aliran masuk ini timbul daripada penggunaan aset yang diperoleh daripada dana zakat dan aset wakaf.

- 6.53. Hasil manfaat zakat dan wakaf lazimnya mempunyai obligasi pelaksanaan disebabkan hasil ini tertakluk kepada obligasi syariah dan entiti tidak dapat mengelak daripada berlakunya aliran keluar sumber bagi menyelesaikan obligasi tersebut. Dalam sesetengah keadaan, hasil ini tidak mempunyai obligasi pelaksanaan dan boleh terus diiktiraf sebagai hasil bergantung kepada ketetapan tertentu.

Lebih atau Kurangan untuk Sesuatu Tempoh

- 6.54. Lebih atau kurang entiti bagi sesuatu tempoh adalah perbezaan antara hasil dan belanja yang dilaporkan pada penyata prestasi kewangan bagi setiap kumpulan wang.

KUTIPAN ZAKAT

Takrif

- 6.55. Kutipan zakat adalah aliran masuk kasar manfaat ekonomi masa hadapan pada kadar yang ditentukan terhadap zakat fitrah dan zakat harta yang wajib dibayar, oleh pembayar zakat mengikut hukum syarak.
- 6.56. Kutipan zakat merupakan transaksi bukan pertukaran kerana entiti menerima kutipan zakat daripada pembayar zakat tanpa memberikan sebarang balasan dalam bentuk barangan/perkhidmatan atau aset lain kepada pembayar zakat. Aliran masuk sumber ini tertakluk kepada obligasi pelaksanaan iaitu obligasi entiti untuk mengagihkan kutipan zakat kepada asnaf tertentu yang menyebabkan aliran keluar sumber.

AGIHAN

Takrif

- 6.57. Agihan ialah aliran keluar yang diberikan kepada asnaf sepanjang tempoh pelaporan. Agihan kepada asnaf terdiri daripada agihan zakat dan agihan manfaat zakat.
- 6.58. Obligasi mengagihkan kutipan zakat kepada asnaf tertentu menyebabkan entiti tidak dapat mengelak daripada berlakunya aliran keluar sumber yang memenuhi ciri-ciri perbelanjaan layak.
- 6.59. Agihan zakat boleh bersifat jangka pendek dan jangka panjang serta tidak termasuk perolehan aset kegunaan asnaf. Agihan zakat produktif bersifat jangka panjang yang bertujuan membantu asnaf keluar daripada kitaran kemiskinan dan membolehkan mereka menyara kehidupan sendiri bagi meningkatkan taraf hidup. Manakala agihan zakat konsumtif bersifat jangka pendek yang bertujuan memberi tumpuan kepada keperluan asnaf dengan kadar segera. Adalah penting membezakan antara agihan zakat produktif dan agihan zakat konsumtif bagi membolehkan entiti menguruskan agihan zakat dengan lebih terancang dan berkesan, serta dapat dimanfaatkan sesuai dengan keperluan setiap asnaf.

Perolehan Aset Kegunaan Asnaf

- 6.60. Dalam sesetengah keadaan, kutipan zakat digunakan oleh entiti bagi memperoleh aset untuk kegunaan asnaf. Perolehan aset sedemikian membolehkan entiti mengagihkan kutipan zakat dalam bentuk manfaat kepada asnaf, tetapi aset tersebut masih di bawah kawalan entiti.

Zakat Belum/(Terlebih) Agih bagi Sesuatu Tempoh

- 6.61. Zakat belum/(terlebih) agih bagi sesuatu tempoh adalah perbezaan antara kutipan zakat dan agihan zakat serta perolehan aset kegunaan asnaf yang dilaporkan pada Penyata Kutipan dan Agihan Zakat.

Sumbangan Daripada Pewakaf

Takrif

- 6.62. Sumbangan daripada pewakaf ialah sebarang sumbangan oleh pewakaf kepada entiti sebagai pemegang amanah, yang merupakan aliran masuk sumber kepada entiti.
- 6.63. Apabila suatu harta diserahkan kepada entiti untuk diwakafkan, maka terputuslah hak ke atas harta tersebut oleh pewakaf dan tiada lagi kepentingan pewakaf ke atasnya pada masa hadapan. Oleh itu, konsep ini berbeza dengan sumbangan daripada pemilik iaitu apabila pengagihan lebihan terkumpul tersebut mengikut budi bicara pemilik atau wakil mereka, dan untuk pengagihan apa-apa lebihan aset atas liabiliti sekiranya entiti digulung dan/atau boleh dijual, ditukar, dipindah atau ditebus.

Mengenal Pasti Obligasi Pelaksanaan

- 6.64. Adalah penting wakaf yang diterima direkodkan dalam dana amanah dengan mengambil kira obligasi yang dinyatakan dalam hujah wakaf. Pererekodan ini membolehkan entiti menunjukkan jumlah terkumpul sumbangan daripada pewakaf yang diterima entiti sebagai pemegang amanah, seterusnya membantu entiti membuat perancangan pembangunan wakaf untuk melaksanakan obligasi tersebut.
- 6.65. Entiti mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan amanah daripada pewakaf untuk tujuan khusus (wakaf khas) atau umum (wakaf am). Amanah ini mengandungi obligasi yang perlu dilaksanakan pada masa hadapan. Obligasi tersebut akan diiktiraf sebagai liabiliti sekiranya wujud obligasi kini yang perlu dilaksanakan oleh entiti.

Sumbangan Daripada Pemilik Dan Pengagihan Pemilikan

Takrif

- 6.66. Sumbangan daripada pemilik ialah aliran masuk sumber kepada entiti yang disumbangkan oleh pihak luar atas kapasiti mereka sebagai pemilik yang mewujudkan atau meningkatkan kepentingan dalam kedudukan kewangan bersih entiti.
- 6.67. Pengagihan pemilikan ialah aliran keluar sumber daripada entiti, yang diagihkan kepada pihak luar atas kapasiti mereka sebagai pemilik, yang memberi pulangan atau mengurangkan kepentingan dalam kedudukan kewangan bersih entiti.

Pengenalpastian Aliran Masuk Dan Aliran Keluar Sumber

- 6.68. Adalah penting untuk membezakan antara aliran masuk dan aliran keluar sumber daripada/kepada pemilik, dengan hasil dan belanja. Ini termasuk aliran masuk awal yang mewujudkan kepentingan pemilikan atas kapasiti mereka sebagai pemilik. Sebagai tambahan kepada suntikan sumber dan pembayaran dividen yang mungkin berlaku, dalam sesetengah bidang kuasa adalah lazim bagi aset dan liabiliti dipindahkan antara entiti. Jika pemindahan tersebut memenuhi takrif sumbangan daripada pemilik atau pengagihan pemilikan, ia akan diprakerakan sedemikian.

- 6.69. Kepentingan pemilikan mungkin timbul melalui penubuhan suatu entiti apabila entiti lain menyumbang sumber untuk menyediakan entiti baharu dengan kapasiti untuk memulakan operasinya. Kadangkala penstrukturan semula entiti berbentuk pemindahan aset dan liabiliti, melalui sumbangan kepada dan pengagihan daripada entiti, dan bukannya transaksi tunai. Kepentingan pemilikan mungkin mempunyai pelbagai bentuk yang mungkin tidak dapat dibuktikan oleh instrumen ekuiti.
- 6.70. Sumbangan daripada pemilikan boleh berbentuk suntikan awal sumber semasa penubuhan suatu entiti atau suntikan sumber berikutnya, termasuk yang distrukturkan semula oleh entiti. Pengagihan pemilikan mungkin melibatkan:
- a. pulangan atas pelaburan, seperti dividen;
 - b. pulangan daripada pelaburan sama ada penuh atau sebahagian, seperti pengurangan kepentingan dalam kedudukan kewangan entiti; atau
 - c. sekiranya entiti itu digulung atau distruktur semula, sebarang pulangan sisa sumber.

BAB 7 – PENGIKTIRAFAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Pengenalan

- 7.1. Bab ini mengenal pasti kriteria yang mesti dipenuhi bagi membolehkan sesuatu elemen diiktiraf dalam penyata kewangan dan penyahiktirafan elemen sekiranya kriteria tidak dipenuhi.

Kriteria Pengiktirafan dan Hubungannya dengan Pendedahan

- 7.2. Pengiktirafan ialah proses menggabungkan dan memasukkan dalam jumlah yang dipaparkan pada muka penyata kewangan yang sesuai suatu item yang memenuhi takrif elemen dan boleh diukur dengan cara yang mencapai ciri kualitatif dan mengambil kira kekangan pada maklumat yang disertakan dalam PKTU.
- 7.3. Kriteria pengiktirafan ialah:
- a. Item memenuhi takrif elemen; dan
 - b. Boleh diukur dengan cara yang memenuhi ciri kualitatif dan mengambil kira kekangan maklumat dalam PKTU.
- 7.4. Semua item yang memenuhi kriteria pengiktirafan diiktiraf dalam penyata kewangan. Dalam sesetengah keadaan, PPIBZW juga boleh menentukan bahawa, untuk mencapai objektif pelaporan kewangan, sumber atau obligasi yang tidak memenuhi takrif elemen hendaklah diiktiraf dalam penyata kewangan dengan syarat elemen boleh diukur dengan cara yang memenuhi ciri dan kekangan kualitatif. Sumber lain dan obligasi lain dibincangkan dalam Bab 6, Elemen dalam Penyata Kewangan.
- 7.5. Pengiktirafan melibatkan penaksiran ketidakpastian berkaitan kewujudan dan pengukuran elemen. Keadaan yang menimbulkan ketidakpastian, jika ada, boleh berubah. Oleh itu, adalah penting bahawa ketidakpastian ditaksir pada setiap tarikh pelaporan.

Pengiktirafan Elemen

- 7.6. Untuk diiktiraf sebagai elemen, item mesti memenuhi takrif salah satu elemen dalam Bab 6, Elemen dalam Penyata Kewangan. Ketidakpastian tentang kewujudan elemen ditangani dengan mempertimbangkan bukti yang ada untuk membuat pertimbangan neutral tentang sama ada item itu memuaskan semua ciri penting takrif elemen itu, dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang ada pada tarikh pelaporan.
- 7.7. Jika ditentukan bahawa suatu elemen wujud, ketidakpastian tentang jumlah potensi perkhidmatan atau keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi yang sepatutnya diwakili oleh elemen tersebut diambil kira dalam pengukuran elemen tersebut (rujuk perenggan 7.8 dan 7.9). Penyedia menyemak dan menilai semua bukti yang ada dalam menentukan sama ada suatu elemen wujud dan diiktiraf, sama ada elemen tersebut terus layak untuk pengiktirafan (rujuk perenggan 7.10), atau sama ada terdapat perubahan kepada elemen tersebut.

Pengukuran Ketidakpastian

- 7.8. Untuk mengiktiraf item dalam penyata kewangan, adalah perlu untuk meletakkan nilai kewangan pada item tersebut. Ini memerlukan pemilihan asas pengukuran yang sesuai dan menentukan sama ada pengukuran item tersebut mencapai ciri kualitatif, dengan mengambil kira kekangan pada maklumat dalam PKTU, termasuk bahawa pengukuran itu relevan dan memberikan gambaran sebenar item tersebut untuk diiktiraf dalam penyata kewangan. Pemilihan asas ukuran yang sesuai dipertimbangkan dalam Bab 8, Pengukuran Aset dan Liabiliti dalam Penyata Kewangan.
- 7.9. Mungkin terdapat ketidakpastian yang berkaitan dengan pengukuran pelbagai amaun yang dibentangkan dalam penyata kewangan. Penggunaan anggaran adalah bahagian yang penting dalam asas perakaunan akruan. Keputusan tentang pengukuran yang relevan dan gambaran sebenar melibatkan pertimbangan teknik, seperti menggunakan julat keberhasilan dan titik anggaran, dan sama ada bukti tambahan tersedia tentang keadaan ekonomi yang wujud pada tarikh pelaporan. Pendedahan boleh memberikan maklumat berguna mengenai teknik anggaran yang digunakan. Mungkin terdapat kejadian yang jarang berlaku di mana tahap ketidakpastian dalam satu titik anggaran adalah sangat besar sehingga kerelevanan dan gambaran sebenar pengukuran itu boleh dipersoalkan walaupun pendedahan disediakan untuk menjelaskan teknik anggaran. Dalam keadaan ini item tersebut tidak diiktiraf.

Pendedahan dan Pengiktirafan

- 7.10. Kegagalan untuk mengiktiraf suatu item yang memenuhi takrif elemen dan kriteria pengiktirafan tidak diperbetulkan oleh pendedahan dasar perakaunan, nota atau butiran penjelasan lain. Walau bagaimanapun, pendedahan boleh memberikan maklumat mengenai item yang memenuhi pelbagai ciri, tetapi bukan semua ciri takrif elemen. Pendedahan juga boleh memberikan maklumat mengenai item yang memenuhi takrif elemen tetapi tidak boleh diukur dengan cara yang mencapai ciri kualitatif dengan secukupnya untuk memenuhi objektif pelaporan kewangan. Pendedahan adalah sesuai apabila pengetahuan tentang item dianggap relevan kepada penilaian kedudukan kewangan bersih entiti dan oleh itu memenuhi objektif pelaporan kewangan.

Penyahiktirafan

- 7.11. Penyahiktirafan ialah proses menilai sama ada perubahan telah berlaku sejak tarikh pelaporan terdahulu yang boleh mewajarkan suatu elemen telah diiktiraf sebelum ini dikeluarkan daripada penyata kewangan, dan mengeluarkan item tersebut jika perubahan tersebut telah berlaku. Dalam menilai ketidakpastian mengenai kewujudan suatu elemen, kriteria yang sama digunakan untuk penyahiktirafan seperti pada pengiktirafan awal.

BAB 8 – PENGUKURAN ASET DAN LIABILITI DALAM PENYATA KEWANGAN

Pengenalan

- 8.1. Bab ini mengenal pasti konsep pengukuran yang memberi panduan kepada Jawatankuasa PPI dalam memilih asas pengukuran untuk PPIBZW dan bagi penyedia penyata kewangan dalam memilih asas pengukuran untuk aset dan liabiliti apabila ia tidak dinyatakan dengan jelas dalam PPIBZW.

Objektif Pengukuran

- 8.2. Objektif pengukuran ialah memilih asas pengukuran paling saksama yang menggambarkan kos penyampaian perkhidmatan, kapasiti operasi dan kapasiti kewangan entiti dengan cara berguna untuk memastikan entiti bertanggungjawab dan membuat keputusan.
- 8.3. Pemilihan asas pengukuran bagi aset dan liabiliti menyumbang kepada pencapaian objektif pelaporan kewangan entiti dengan menyediakan maklumat yang membolehkan pengguna menaksir:
- a. Kos perkhidmatan yang disediakan dalam tempoh sejarah atau tempoh semasa;
 - b. Keupayaan pengoperasian iaitu keupayaan entiti untuk menyokong penyediaan perkhidmatan dalam tempoh masa hadapan melalui sumber fizikal dan sumber lain; dan
 - c. Keupayaan kewangan iaitu keupayaan entiti untuk mendanai aktiviti-aktivitinya.
- 8.4. Pemilihan asas pengukuran juga termasuk penilaian sejauh mana maklumat yang diberikan mencapai ciri kualitatif dengan mengambil kira kekangan maklumat dalam pelaporan kewangan.

Asas Pengukuran dan Pemilihannya

- 8.5. Adalah tidak mungkin untuk mengenal pasti satu asas pengukuran yang paling memenuhi objektif pengukuran pada peringkat Kerangka Kerja Konseptual. Oleh itu, Kerangka Kerja Konseptual tidak mencadangkan asas pengukuran tunggal (atau kombinasi beberapa asas) untuk semua transaksi, peristiwa dan keadaan. Ia menyediakan panduan tentang pemilihan asas pengukuran untuk aset dan liabiliti bagi memenuhi objektif pengukuran.

Asas Pengukuran untuk Aset

- 8.6. Asas pengukuran aset dikenal pasti dan dibincangkan dari segi maklumat yang disediakan oleh entiti tentang kos penyampaian perkhidmatan, kapasiti operasi dan kapasiti kewangan entiti, serta sejauh mana entiti menyediakan maklumat yang memenuhi ciri-ciri kualitatif. Asas pengukuran aset tersebut adalah:
- a. Kos sejarah;
 - b. Nilai saksama; dan
 - c. Nilai nominal.

Kos Sejarah

- 8.7. Kos sejarah bagi aset ialah amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar ataupun nilai bagi balasan lain yang diberikan untuk memperoleh sesuatu aset pada masa pemerolehan, penerimaan atau pembinaannya ditambah dengan kos transaksi.
- 8.8. Di bawah model kos sejarah, aset pada mulanya dilaporkan pada kos yang ditanggung semasa pemerolehannya. Selepas pengiktirafan awal, kos ini boleh diperuntukkan sebagai perbelanjaan kepada tempoh pelaporan dalam bentuk susut nilai atau pelunasan untuk aset tertentu, kerana potensi perkhidmatan atau keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi yang disediakan oleh aset tersebut digunakan sepanjang hayat bergunanya. Selepas pengiktirafan awal, pengukuran aset tidak diubah untuk menggambarkan perubahan dalam harga atau peningkatan dalam nilai aset.
- 8.9. Di bawah model kos sejarah, jumlah aset boleh dikurangkan dengan mengiktiraf penjejasan nilai. Penjejasan nilai ialah sejauh mana potensi perkhidmatan atau keupayaan untuk menjana manfaat ekonomi yang dihasilkan oleh aset telah berkurangan disebabkan oleh perubahan dalam keadaan ekonomi atau keadaan lain, yang perbezaannya ketara daripada penggunaan yang lazim. Ini melibatkan penilaian kebolehpulihan. Sebaliknya, jumlah aset boleh ditingkatkan untuk menggambarkan kos tokok dan penambahbaikan (tidak termasuk kenaikan harga untuk aset yang tidak diperbaiki) atau peristiwa lain, seperti pendapatan keuntungan ke atas aset kewangan.

Kos Perkhidmatan

- 8.10. Apabila kos sejarah digunakan, kos perkhidmatan menggambarkan jumlah sumber yang dibelanjakan untuk memperoleh atau membangunkan aset yang digunakan dalam penyediaan perkhidmatan. Kos sejarah secara amnya menyediakan pautan terus kepada transaksi yang sebenarnya dilakukan oleh entiti. Oleh kerana kos yang digunakan adalah yang dibawa ke hadapan dari tempoh yang lebih awal tanpa pelarasan untuk perubahan harga, ia tidak menggambarkan kos aset apabila aset digunakan. Memandangkan kos perkhidmatan dilaporkan menggunakan kos lampau, maklumat kos sejarah tidak akan memudahkan penaksiran kos penyediaan perkhidmatan pada masa hadapan jika perubahan harga kumulatif sejak pemerolehan adalah signifikan. Apabila belanjawan disediakan berdasarkan kos sejarah, maklumat kos sejarah menunjukkan sejauh mana belanjawan telah dilaksanakan.

Kapasiti Operasi

- 8.11. Jika aset telah diperoleh dalam transaksi pertukaran, kos sejarah menyediakan maklumat tentang sumber yang tersedia untuk menyediakan perkhidmatan dalam tempoh masa hadapan, berdasarkan kos pemerolehannya. Pada masa aset diperoleh atau dibangunkan, ia boleh diandaikan bahawa nilai kepada potensi perkhidmatan entiti adalah sekurang-kurangnya setara dengan kos pemerolehan. Apabila susut nilai atau pelunasan diiktiraf, ia menggambarkan sejauh mana tersebut potensi sesuatu aset telah digunakan. Maklumat kos sejarah menunjukkan bahawa sumber yang tersedia untuk perkhidmatan masa hadapan adalah sekurang-kurangnya setara dengan jumlah yang dinyatakan. Peningkatan dalam nilai aset tidak digambarkan dalam model kos sejarah. Jika aset telah diperoleh dalam transaksi bukan pertukaran, harga transaksi tidak akan memberikan maklumat tentang kapasiti operasi.

Kapasiti Kewangan

- 8.12. Amaun di mana aset dinyatakan dalam penyata kewangan membantu dalam penaksiran keupayaan kewangan. Kos sejarah boleh memberikan maklumat tentang jumlah nilai aset yang boleh digunakan sebagai sekuriti yang efektif untuk pembiayaan. Penaksiran keupayaan kewangan juga memerlukan maklumat tentang nilai yang boleh diterima daripada penjualan aset, dan dilaburkan semula dalam aset-aset lain untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan. Kos sejarah tidak memberikan maklumat tersebut apabila kos sejarah berbeza secara signifikan daripada nilai jualan semasa.

Aplikasi Ciri-ciri Kualitatif

- 8.13. Perenggan 8.10 – 8.12 menerangkan ruang lingkup di mana kos sejarah memberikan maklumat yang berkaitan dari segi nilai pengesahan atau nilai jangkaan. Aplikasi kos sejarah selalunya mudah kerana maklumat transaksi lazimnya tersedia. Oleh itu, amaun yang diperoleh daripada model kos sejarah secara amnya memberi gambaran sebenar kerana kos sejarah tersebut mewakili apa yang sepatutnya digambarkan iaitu kos untuk memperoleh atau membangunkan aset berdasarkan transaksi sebenar. Anggaran susut nilai dan penjejasan nilai yang digunakan dalam model kos sejarah, terutamanya bagi aset tidak menjana tunai, boleh memberi kesan kepada gambaran sebenar. Oleh kerana aplikasi kos sejarah secara amnya menggambarkan sumber yang digunakan dengan merujuk kepada transaksi sebenar, ukuran kos sejarah boleh ditentusahkan, boleh difahami dan boleh disediakan tepat pada masanya.
- 8.14. Maklumat kos sejarah boleh dibandingkan setakat aset yang mempunyai sama atau serupa tarikh pemerolehan, pembinaan atau pembangunan. Kos sejarah tidak menggambarkan kesan perubahan harga, maka tidak mungkin untuk membandingkan secara bermakna jumlah nilai aset yang diperoleh, dibina atau dibangunkan pada masa berbeza apabila harga berbeza.
- 8.15. Dalam keadaan tertentu aplikasi kos sejarah memerlukan pengagihan kos, contohnya:
- a. Beberapa aset diperoleh dalam satu transaksi;
 - b. Aset dibina oleh entiti itu sendiri dan overhead dan kos lain perlu dikaitkan; dan
 - c. Penggunaan andaian aliran seperti masuk–dulu keluar–dulu, adalah perlu apabila banyak aset yang serupa dipegang.

Apabila pengagihan kos dibuat secara rawak, ia mengurangkan tahap ketepatan pengukuran bagi mencapai ciri-ciri kualitatif.

Nilai Saksama

- 8.16. Nilai saksama ialah amaun sesuatu aset yang boleh ditukarkan, atau liabiliti diselesaikan, antara pihak yang berpengetahuan, dan bersedia dalam transaksi secara tulus.
- 8.17. Nilai saksama sesuai apabila suatu aset dipegang terutamanya untuk keupayaan menjana manfaat ekonomi atau dengan tujuan untuk dijual. Sejauh mana nilai saksama memenuhi objektif pelaporan kewangan dan keperluan maklumat pengguna sebahagiannya bergantung kepada kualiti bukti pasaran. Bukti pasaran pula bergantung kepada ciri-ciri pasaran di mana aset itu didagangkan.

- 8.18. Dalam konteks syariah, pengukuran kos berasaskan nilai saksama mengutamakan keadilan dan ketelusan dalam penentuan nilai aset atau liabiliti. Kaedah pengukuran ini memastikan bahawa semua pihak yang terlibat dalam transaksi tidak mengalami ketidakadilan. Nilai saksama juga menggambarkan nilai sebenar aset atau liabiliti dalam pasaran bagi mengelakkan amalan seperti penipuan atau eksploitasi yang diharamkan dalam Islam (riba, gharar atau maysir).

Daripada Jabir bin Zaid, beliau berkata "Nilailah ia berdasarkan anggaran harga pada akhir tahun (haul) kemudian dibayar zakat atas nilai tersebut."

- 8.19. Dalam Syariah, nilai saksama mementingkan ketelusan dalam sesuatu transaksi. Dalam pengukuran kos, penggunaan nilai saksama mencerminkan ketelusan kerana ia mengambil kira maklumat pasaran yang terkini, dan bukannya bergantung kepada kos sejarah yang mungkin tidak lagi relevan. Ini membantu pihak-pihak yang berkepentingan, seperti pembayar zakat, pewakaf dan pihak berkuasa, membuat keputusan yang lebih tepat.
- 8.20. Pada dasarnya, ukuran nilai saksama menyediakan maklumat berguna kerana nilai saksama menggambarkan nilai aset atau liabiliti kepada entiti secara adil. Dalam pasaran teratur (lihat perenggan 8.22), aset tidak boleh dinilai bawah daripada nilai saksama. Entiti, sekurang-kurangnya memperoleh nilai saksama dengan menjual aset tanpa mengambil kira kos transaksi. Aset tidak boleh dinilai lebih daripada nilai saksama, kerana entiti boleh mendapat keupayaan yang sama untuk menjana manfaat ekonomi dengan membeli aset yang sama atau serupa di pasaran.
- 8.21. Kegunaan nilai saksama mungkin lebih dipersoalkan apabila andaian bahawa pasaran teratur tidak berlaku. Dalam keadaan sedemikian, ia tidak boleh diandaikan bahawa aset itu boleh dijual pada harga yang sama dengan harga yang boleh diperolehi. Walaupun pembelian aset membuktikan bahawa nilai aset kepada entiti adalah sekurang-kurangnya sama dengan harga belian pada masa itu, faktor operasi boleh memberi maksud nilai yang lebih tinggi kepada entiti. Maka, nilai saksama mungkin tidak menggambarkan nilai kepada entiti mengenai aset yang diwakili oleh kapasiti operasinya. Oleh itu, nilai saksama mungkin tidak sesuai bagi aset yang digunakan dalam operasi apabila entiti berhasrat untuk terus menggunakan aset tersebut untuk penyampaian perkhidmatan.

Pasaran Teratur

- 8.22. Pasaran teratur mempunyai ciri-ciri berikut:
- a. Tiada halangan yang menyekat entiti daripada menjalankan transaksi dalam pasaran;
 - b. Terdapat kekerapan dan volum transaksi yang mencukupi untuk menyediakan maklumat harga; dan
 - c. Terdapat banyak pembeli dan penjual yang berpengetahuan luas bertindak tanpa paksaan, jadi terdapat jaminan "keadilan" dalam menentukan harga semasa-termasuk bahawa harga tidak mewakili jualan paksaan.

Pasaran teratur ialah pasaran yang dijalankan dalam keadaan yang boleh dipercayai, selamat, tepat dan cekap. Pasaran sedemikian berurusan dengan aset yang serupa dan oleh itu boleh ditukar ganti, seperti komoditi, mata wang dan sekuriti di mana harga tersedia secara umum. Secara praktikalnya, beberapa pasaran, jika ada, mempamerkan sepenuhnya semua ciri-ciri ini, tetapi sesetengah pasaran mungkin mendekati pasaran teratur.

Nilai Saksama apabila Pasaran Tidak Dianggap Teratur

- 8.23. Pasaran bagi aset yang unik dan jarang didagangkan mungkin tidak teratur, contohnya, sebarang pembelian dan jualan dirundingkan secara individu, dan mungkin terdapat julat harga yang besar apabila transaksi dipersetujui. Oleh itu, peserta akan menanggung kos yang besar untuk membeli atau menjual aset. Apabila pasaran tidak teratur, adalah perlu untuk menggunakan suatu teknik pengukuran bagi menganggarkan harga. Harga tersebut ditentukan ketika transaksi teratur untuk menjual aset mungkin berlaku antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran dalam keadaan pasaran semasa. Teknik pengukuran sedemikian memerlukan input yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung. Apabila input boleh diperhatikan tidak dapat dikenal pasti, input yang tidak boleh diperhatikan diguna pakai.
- 8.24. Nilai saksama membenarkan pulangan ke atas aset dilaporkan. Walau bagaimanapun, JANM membangunkan dan menyelenggara piawaian untuk entiti yang pada umumnya menjalankan aktiviti dengan objektif utama memberikan perkhidmatan secara bukan pertukaran dan tidak menjana keuntungan. Akibatnya, mungkin terhad kaitannya dalam pelaporan terhadap pulangan yang diperoleh daripada nilai saksama.

Kos Perkhidmatan

- 8.25. Nilai saksama menggambarkan keupayaan aset untuk menjana manfaat ekonomi dan harga yang dijangka akan diterima semasa jualan. Oleh itu, apabila sesuatu aset dipegang terutamanya untuk kapasiti operasinya, nilai saksama memberikan maklumat kurang kebergunaan untuk kos perkhidmatan berbanding nilai operasi semasa, yang boleh menggambarkan nilai aset dalam penggunaan sedia ada.

Kapasiti Operasi

- 8.26. Kebergunaan maklumat tentang nilai saksama aset yang dipegang untuk menyediakan perkhidmatan adalah terhad. Jika nilai saksama adalah jauh lebih rendah daripada kos sejarah, nilai saksama berkemungkinan kurang relevan daripada kos sejarah aset tersebut dalam menyediakan maklumat tentang kapasiti operasi. Nilai saksama juga berkemungkinan kurang relevan daripada nilai operasi semasa. Walaupun nilai saksama disokong oleh prinsip kewangan tertinggi dan terbaik, namun nilai saksama tersebut tidak sesuai bagi aset yang dipegang terutamanya untuk kapasiti operasi.

Kapasiti Kewangan

- 8.27. Penaksiran keupayaan kewangan memerlukan maklumat tentang keupayaan aset untuk menjana manfaat ekonomi dan jumlah yang akan diterima daripada penjualan aset. Maklumat ini disediakan mengikut nilai saksama. Oleh itu, nilai saksama adalah asas ukuran yang sesuai apabila aset dipegang untuk dijual atau aset yang dipegang sebelum ini untuk kapasiti operasinya adalah berlebihan daripada keperluan operasi.

Aplikasi Ciri-ciri Kualitatif

- 8.28. Nilai yang ditentukan dalam pasaran teratur boleh digunakan dengan mudah untuk tujuan pelaporan kewangan. Maklumat itu akan memenuhi ciri-ciri kualitatif iaitu ia akan relevan, memberi gambaran sebenar, boleh difahami, boleh banding dan boleh ditentusahkan. Oleh kerana maklumat sedemikian boleh didapati dengan cepat, ia juga berkemungkinan tepat pada masanya.

- 8.29. Sejauh mana pengukuran nilai saksama memenuhi ciri-ciri kualitatif akan berkurangan apabila kualiti bukti pasaran menyusut dan penentuan nilai tersebut bergantung kepada teknik anggaran. Seperti yang dinyatakan di atas, nilai saksama hanya berkemungkinan relevan kepada penaksiran kapasiti kewangan dan bukan kepada penaksiran kos perkhidmatan dan kapasiti operasi.

Nilai Nominal

- 8.30. Nilai nominal ialah sesuatu nilai yang diletakkan oleh entiti bagi tujuan perakaunan yang tidak mempunyai kaitan dengan harga pasaran atau kos sejarah. Nilai tersebut ialah nilai yang sangat kecil atau jauh lebih rendah daripada anggaran kasar nilai saksama atau anggaran kasar kos sebenar.
- 8.31. Kebergunaan maklumat tentang nilai nominal aset yang dipegang untuk menyediakan perkhidmatan adalah terhad. Nilai nominal dalam konteks entiti tidak menggambarkan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan. Nilai nominal ini digunakan bagi tujuan pengolahan perakaunan untuk mewakili nilai aset yang diterima melalui transaksi bukan pertukaran, sekiranya mempunyai kekangan mengiktiraf aset dalam mengukur atau menentukan nilai sebenar aset yang diterima. Pada umumnya entiti memberikan perkhidmatan secara bukan pertukaran dan tidak menjana keuntungan. Sebagai contoh, tanah yang diterima untuk dijadikan tanah perkuburan. Dalam kes ini, bagi merekod transaksi ini, kos penilaian mungkin melebihi manfaat yang diterima oleh entiti. Oleh itu, nilai nominal digunakan.

Asas Pengukuran untuk Liabiliti

- 8.32. Bahagian ini membincangkan asas pengukuran bagi liabiliti. Bahagian ini tidak mengulangi semua perbincangan dalam bahagian mengenai aset. Ia mengambil kira asas pengukuran berikut:
- a. Kos sejarah;
 - b. Kos Pemenuhan; dan
 - c. Nilai saksama.

Kos Sejarah

- 8.33. Kos sejarah untuk liabiliti ialah balasan yang diterima bagi menanggung obligasi, iaitu tunai atau kesetaraan tunai, atau nilai balasan lain yang diterima pada masa liabiliti itu ditanggung.
- 8.34. Di bawah model kos sejarah, pengukuran awal boleh dilaraskan untuk menggambarkan faktor seperti pendapatan keuntungan terakru, akresi diskaun atau pelunasan premium.
- 8.35. Apabila nilai masa liabiliti adalah material, contohnya, apabila tempoh masa sebelum tarikh akhir penyelesaian bayaran adalah signifikan, amaun bayaran masa hadapan akan didiskaunkan supaya semasa pengiktirafan awal liabiliti, liabiliti tersebut menggambarkan nilai bagi amaun yang diterima. Perbezaan antara amaun bayaran masa hadapan dan nilai kini liabiliti dilunaskan sepanjang tempoh liabiliti, supaya liabiliti dinyatakan pada amaun bayaran yang diperlukan pada tarikh akhir penyelesaian.

- 8.36. Kelebihan dan kelemahan menggunakan asas kos sejarah untuk liabiliti adalah serupa seperti yang dibincangkan dalam aset. Kos sejarah adalah bersesuaian apabila liabiliti berkemungkinan akan diselesaikan mengikut terma yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, kos sejarah tidak boleh digunakan untuk liabiliti yang tidak timbul daripada transaksi, seperti liabiliti untuk membayar ganti rugi bagi salah laku atau ganti rugi sivil. Ia juga tidak mungkin memberikan maklumat yang relevan apabila liabiliti telah ditanggung dalam transaksi bukan pertukaran, kerana ia tidak memberikan gambaran sebenar terhadap tuntutan terhadap sumber entiti. Sukar juga untuk menggunakan kos sejarah kepada liabiliti yang mungkin berbeza dalam amaun, seperti yang berkaitan dengan liabiliti pelan manfaat persaraan.

Kos Pemenuhan

- 8.37. Kos pemenuhan ialah kos yang akan ditanggung oleh entiti dalam memenuhi obligasi yang diwakili oleh liabiliti, dengan mengandaikan bahawa ia melakukannya dengan cara yang paling murah.
- 8.38. Apabila kos pemenuhan bergantung pada peristiwa masa hadapan yang tidak menentu, semua kemungkinan hasil diambil kira dalam anggaran kos pemenuhan, yang bertujuan untuk menggambarkan semua kemungkinan hasil tersebut dengan cara yang tidak berat sebelah.
- 8.39. Apabila pemenuhan memerlukan kerja dilakukan, contohnya, apabila liabiliti adalah untuk membetulkan kerosakan alam sekitar, kos yang relevan ialah kos yang akan ditanggung oleh entiti. Ini mungkin kos kepada entiti untuk melakukan kerja pembaikan itu sendiri, atau kontrak dengan pihak luar untuk menjalankan kerja. Walau bagaimanapun, kos kontrak dengan pihak luar hanya relevan apabila mengupah kontraktor adalah cara yang paling murah untuk memenuhi obligasi.
- 8.40. Jika pemenuhan akan dibuat oleh entiti itu sendiri, kos pemenuhan tidak termasuk sebarang kelebihan, kerana sebarang kelebihan tersebut tidak mewakili penggunaan sumber entiti. Jika amaun pemenuhan adalah berdasarkan kos mengupah kontraktor, amaun tersebut secara tersirat akan termasuk keuntungan yang diperlukan oleh kontraktor, kerana jumlah amaun yang dicalah oleh kontraktor akan menjadi tuntutan ke atas sumber entiti.
- 8.41. Apabila pemenuhan tidak akan berlaku pelanjutan tempoh, aliran tunai perlu didiskaun untuk menggambarkan nilai liabiliti pada tarikh pelaporan.
- 8.42. Kos pemenuhan secara amnya adalah relevan untuk mengukur liabiliti kecuali dalam keadaan apabila entiti boleh mendapatkan pelepasan daripada obligasi pada amaun yang lebih rendah daripada kos pemenuhan.

Nilai Saksama

- 8.43. Nilai saksama untuk liabiliti ialah harga yang akan dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran.
- 8.44. Nilai saksama mungkin sesuai, sebagai contoh, apabila liabiliti berkait dengan perubahan dalam kadar tertentu, harga atau indeks yang tersiar dalam pasaran teratur. Walau bagaimanapun, dalam kes apabila keupayaan untuk melunaskan suatu liabiliti terbatas dan terma apabila pelunasan sedemikian mungkin dibuat tidak jelas. Akibatnya, hujah untuk menggunakan nilai saksama adalah lemah. Keadaan ini berlaku terutamanya bagi liabiliti yang timbul daripada obligasi dalam transaksi bukan pertukaran kerana tidak mungkin terdapat pasaran teratur bagi liabiliti tersebut.

BAB 9 – PEMBENTANGAN DALAM PELAPORAN KEWANGAN TUJUAN UMUM

Pengenalan

- 9.1. Bab ini menetapkan konsep yang boleh digunakan untuk pembentangan maklumat dalam PKTU, termasuk penyata kewangan entiti.
- 9.2. Pembentangan dikaitkan dengan Bab 1 hingga Bab 5 objektif pelaporan kewangan, keperluan pengguna, ciri-ciri kualitatif, kekangan pada maklumat yang disertakan dalam PKTU dan entiti pelapor semuanya mempengaruhi keputusan pembentangan. Untuk maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan, pembentangan juga dikaitkan dengan takrif elemen-elemen, kriteria pengiktirafan dan asas pengukuran yang dikenal pasti dalam Bab 6 hingga 8, contohnya:
 - a. Takrif elemen-elemen memberi kesan kepada perkara yang boleh dibentangkan dalam penyata kewangan;
 - b. Penggunaan kriteria pengiktirafan memberi kesan kepada kedudukan maklumat; dan
 - c. Pemilihan asas pengukuran memberi impak kepada maklumat yang dibentangkan mengenai metodologi pengukuran.

Bahasa Penyata Kewangan dan PKTU Lain Diterbitkan

- 9.3. Bahasa (atau bahasa-bahasa) penyata kewangan dan PKTU lain diterbitkan menyokong pencapaian objektif pelaporan kewangan dan ciri-ciri kualitatif. Semua versi terjemahan perlu patuh dan menepati kepada versi bahasa asal. Versi terjemahan disediakan untuk memenuhi keperluan pengguna dengan merujuk kepada:
 - a. keperluan undang-undang dalam bidang kuasa entiti; dan
 - b. kos dan manfaat terjemahan.

Pembentangan

- 9.4. Pembentangan ialah pemilihan, kedudukan dan susun atur maklumat yang dilaporkan dalam PKTU.
- 9.5. Pembentangan bertujuan untuk menyediakan maklumat yang menyumbang ke arah objektif pelaporan kewangan dan mencapai ciri-ciri kualitatif dengan mengambil kira kekangan maklumat yang dimasukkan dalam PKTU. Keputusan mengenai pemilihan, kedudukan dan susun atur maklumat dibuat sebagai reaksi kepada keperluan pengguna untuk maklumat tentang ekonomi atau fenomena lain.
- 9.6. Bab 1 menerangkan bahawa PKTU berkemungkinan terdiri daripada beberapa laporan, setiap satunya memberi respon yang lebih secara langsung kepada aspek tertentu objektif pelaporan kewangan dan perkara yang termasuk dalam skop pelaporan kewangan. Selain penyata kewangan, PKTU menyediakan maklumat yang relevan, sebagai contoh, penaksiran prestasi perkhidmatan entiti dan kemampuan kewangannya. Objektif pelaporan kewangan, digunakan pada skop yang diliputi dalam laporan tertentu, memandu keputusan pembentangan untuk laporan tersebut.

9.7. Keputusan pembentangan boleh:

- a. menghasilkan pembangunan PKTU baharu, pergerakan maklumat antara laporan, atau penggabungan laporan sedia ada; atau
- b. menjadi keputusan terperinci tentang pemilihan maklumat, kedudukan dan susun atur dalam PKTU.

Keputusan Pembentangan adalah Saling Berkait

9.8. Keputusan mengenai pemilihan maklumat, kedudukan dan susun atur adalah saling berkait dan secara lazim mungkin akan dipertimbangkan bersama. Jumlah atau jenis maklumat yang dipilih mungkin mempunyai implikasi sama ada ia dinyatakan dalam laporan berasingan atau disusun dalam jadual atau senarai berasingan. Keputusan pembentangan dibahagikan kepada tiga bahagian berasingan yang mempunyai fokus masing-masing.

Pemilihan Maklumat

9.9. Keputusan mengenai pemilihan maklumat mempengaruhi maklumat yang dilaporkan dalam:

- a. penyata kewangan; dan
- b. PKTU di luar penyata kewangan (PKTU lain).

9.10. Merujuk kepada Bab 3, Objektif dan Pengguna Pelaporan Kewangan Tujuan Umum, objektif pelaporan kewangan adalah untuk menyediakan maklumat berguna mengenai entiti kepada pengguna PKTU bertujuan menzahirkan akauntabiliti dan kebergunaan keputusan berdasarkan syariah. Bab 3 menerangkan jenis maklumat yang pengguna perlukan untuk memenuhi objektif pelaporan kewangan. Penerangan tersebut memandu keputusan sama ada jenis laporan tertentu diperlukan. Bab ini memberi tumpuan kepada pemilihan maklumat untuk dibentangkan dalam PKTU, termasuk penyata kewangan dan laporan lain.

Pemilihan Maklumat – Sifat Maklumat

Sifat Maklumat dalam Penyata Kewangan

9.11. Keperluan maklumat pengguna yang dikenal pasti dalam Bab 3 menyokong pemilihan maklumat untuk penyata kewangan. Keperluan tersebut termasuk maklumat mengenai kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai sesebuah entiti untuk:

- a. membolehkan pengguna mengenal pasti sumber entiti dan tuntutan ke atas sumber tersebut pada tarikh pelaporan;
- b. membantu dalam penaksiran tentang perkara seperti sama ada entiti telah memperoleh sumber secara ekonomi, cekap, mampan, berkesan dan beretika berdasarkan syariah untuk mencapai objektif penyampaian perkhidmatannya; dan
- c. membantu dalam penaksiran prestasi kewangan dan kecairan dan kemampuan bayar entiti.

9.12. Penyata kewangan juga boleh memberikan maklumat yang membantu pengguna dalam menaksir sejauh mana:

- a. entiti telah mencapai objektif kewangannya;

- b. hasil, belanja, aliran tunai dan keputusan kewangan entiti mematuhi belanjawan yang diluluskan; dan
 - c. entiti telah mematuhi undang-undang yang berkaitan atau pihak berkuasa lain yang mengawal selia kutipan dan penggunaan dana awam.
- 9.13. Penyata kewangan tidak melaporkan secara menyeluruh tentang prestasi perkhidmatan sesebuah entiti. Walau bagaimanapun maklumat dalam penyata kewangan mungkin memberikan maklumat yang relevan dengan aspek kewangan prestasi perkhidmatan seperti maklumat tentang:
- a. Hasil, belanja dan aliran tunai yang berkaitan dengan perkhidmatan; dan
 - b. Aset dan liabiliti yang membantu dalam penilaian pengguna, sebagai contoh, kapasiti operasi atau risiko kewangan entiti yang boleh memberi kesan kepada penyediaan perkhidmatan.
- 9.14. Laporan lain dalam PKTU membentangkan maklumat tambahan kepada penyata kewangan. Maklumat sedemikian boleh, sebagai contoh, termasuk:
- a. Maklumat tentang kemampuan kewangan entiti;
 - b. Perbincangan dan analisis penyata kewangan; atau
 - c. Maklumat prestasi perkhidmatan.

Maklumat Dipilih untuk Paparan atau Pendedahan

- 9.15. Maklumat dipilih untuk paparan atau pendedahan dalam PKTU. Maklumat yang dipilih untuk paparan menyampaikan mesej utama dalam PKTU, manakala maklumat yang dipilih untuk pendedahan menjadikan maklumat yang dipaparkan lebih berguna dengan menyediakan butiran yang akan membantu pengguna memahami maklumat yang dipaparkan. Pendedahan bukan pengganti untuk paparan.
- 9.16. Pengulangan maklumat dalam PKTU secara amnya perlu dielakkan. Walau bagaimanapun, maklumat yang sama mungkin dipaparkan dan didedahkan. Sebagai contoh, jumlah yang dipaparkan pada muka penyata kewangan mungkin diulang dalam nota, manakala nota memberikan perincian jumlah yang dipaparkan. Begitu juga maklumat yang sama boleh dibentangkan dalam PKTU yang berbeza untuk memenuhi matlamat yang berbeza.

Maklumat Dipilih untuk Paparan

- 9.17. Setiap PKTU mengandungi mesej utama yang dibentangkan, oleh itu setiap PKTU mengandungi maklumat yang dipaparkan. Maklumat yang dipaparkan disimpan adalah ringkas dan padat, boleh difahami, supaya pengguna menumpukan kepada mesej utama yang dibentangkan tanpa terganggu dengan butiran yang boleh mengaburkan mesej tersebut. Maklumat yang dipaparkan dan dibentangkan dengan jelas, menggunakan teknik pembentangan yang sesuai seperti pelabelan yang jelas, sempadan, jadual dan graf.
- 9.18. Item yang dipaparkan pada muka penyata kewangan memberikan maklumat tentang perkara seperti kedudukan kewangan entiti pelapor, prestasi kewangan dan aliran tunai.

- 9.19. Penaksiran sama ada item memenuhi kriteria pengiktirafan adalah salah satu mekanisme utama dalam menentukan sama ada maklumat dipaparkan pada muka penyata kedudukan kewangan atau penyata prestasi kewangan dan/atau didedahkan sama ada dalam nota atau tempat lain dalam PKTU. Dalam kes lain, contohnya penyata aliran tunai, maklumat yang dipaparkan juga akan menyokong pencapaian objektif pelaporan kewangan.
- 9.20. Mekanisme utama lain adalah pendedahan yang menepati *siyasah syar'iyah* dan *Maqasid Syariah* yang menentukan sama ada maklumat dipaparkan pada muka penyata kedudukan kewangan atau penyata prestasi kewangan dan/atau didedahkan sama ada dalam nota atau tempat lain dalam PKTU selaras dengan Bab 2, Pembentukan Kerangka Kerja Konseptual Berasaskan *Maqasid Syariah* yang memberi penekanan dalam memelihara harta umat Islam. Prinsip pendedahan penyata kewangan iaitu prinsip kemestian, keperluan dan kesempurnaan.
- 9.21. Prinsip kemestian merupakan pendedahan maklumat yang mesti dibuat bagi mencapai tujuan pelaporan iaitu untuk pembuatan keputusan dan penzahiran akauntabiliti. Maklumat berkenaan hendaklah didedahkan pada muka penyata kewangan dan/atau nota kepada penyata kewangan bergantung kepada sifat maklumat sama ada kuantitatif atau kualitatif.
- 9.22. Prinsip keperluan merupakan pendedahan yang perlu untuk menambah pemahaman. Pendedahan maklumat ini akan memberi penjelasan kepada maklumat asas dan akan mewujudkan keyakinan dan kebolehpercayaan kepada maklumat tambahan yang didedahkan.
- 9.23. Prinsip kesempurnaan merupakan pendedahan yang bertujuan untuk memberi pengukuhan kepada pendedahan sedia ada. Pendedahan maklumat ini membantu mengukuhkan penzahiran akauntabiliti dan ketelusan.
- 9.24. Membangunkan keperluan untuk paparan baris item dan paparan jumlah akan melibatkan keseimbangan dan keseragaman maklumat yang dipaparkan, bagi memudahkan kebolehfahaman, dengan maklumat yang disesuaikan untuk faktor khusus entiti. Matlamat keperluan penyeragaman paparan dan maklumat khusus entiti adalah untuk memastikan maklumat yang diperlukan memenuhi objektif pelaporan kewangan dan tersedia bagi semua entiti, serta membenarkan maklumat yang dipapar menggambarkan sifat dan operasi entiti tertentu.
- 9.25. Contohnya, baris item Zakat Belum Agih (ZBA) mesti dipaparkan di muka penyata kewangan bagi membantu pengguna penyata kewangan mendapatkan maklumat tentang amaun zakat yang masih belum diagihkan oleh entiti. Maklumat tambahan yang perlu didedahkan di dalam nota berkaitan baris item ZBA adalah seperti wakalah zakat yang keabsahannya belum ditentukan. Bagi mengukuhkan maklumat tersebut, maklumat bukan kewangan seperti perancangan entiti untuk menyelesaikan ZBA juga dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan.
- 9.26. Contohnya baris item bagi wakaf khas bukan tunai yang mempunyai obligasi belum diselesaikan, obligasi tersebut mesti dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan sebagai liabiliti luar jangka. Pendedahan maklumat ini menunjukkan penzahiran akauntabiliti entiti sebagai pemegang amanah tunggal.

Maklumat Dipilih untuk Pendedahan

- 9.27. Maklumat yang didedahkan mungkin termasuk:
- a. Asas untuk maklumat yang dipaparkan, seperti polisi atau metodologi yang diguna pakai;
 - b. Pengasingan maklumat yang dipaparkan; dan

- c. Item yang mempunyai sebahagian tetapi bukan semua aspek maklumat yang dipaparkan. Contohnya, pendedahan pada item yang memenuhi beberapa, tetapi bukan semua, ciri-ciri takrif elemen atau pendedahan pada item yang memenuhi takrif elemen, tetapi bukan kriteria pengiktirafan.
- 9.28. Tahap perincian maklumat yang didedahkan menyumbang kepada pencapaian objektif pelaporan kewangan, tanpa keterlaluan. Maklumat yang didedahkan, seperti maklumat yang dipaparkan, adalah perlu untuk mencapai objektif pelaporan kewangan.
- 9.29. Maklumat yang didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan:
- a. perlu untuk pemahaman pengguna tentang penyata kewangan;
 - b. menyediakan maklumat yang mempersembahkan penyata kewangan dalam konteks entiti dan persekitaran operasinya; dan
 - c. secara umumnya akan mempunyai hubungan yang jelas dan boleh diterangkan dengan maklumat yang dipaparkan pada muka penyata kewangan yang berkaitan dengannya.
- 9.30. Maklumat yang didedahkan dalam nota juga boleh termasuk:
- a. faktor berkaitan entiti yang boleh mempengaruhi pertimbangan tentang maklumat yang dilaporkan (contohnya, maklumat tentang pihak berkaitan dan entiti yang dikawal atau kepentingan dalam entiti lain);
 - b. Asas paparan (contohnya, maklumat tentang dasar perakaunan dan pengukuran, termasuk kaedah pengukuran dan ketidakpastian pengukuran jika berkenaan);
 - c. pengasingan amaun yang dipaparkan pada muka penyata (contohnya, pecahan hartanah, loji dan peralatan ke dalam kelas yang berbeza);
 - d. item yang tidak memenuhi takrif elemen atau kriteria pengiktirafan, tetapi penting untuk memahami kewangan dan keupayaan entiti untuk menyampaikan perkhidmatan—contohnya, maklumat tentang peristiwa dan keadaan, yang mungkin menjejaskan aliran tunai masa hadapan atau potensi perkhidmatan, termasuk sifatnya, kemungkinan kesan ke atas aliran tunai atau potensi perkhidmatan, kebarangkalian berlakunya kejadian dan kepekaan terhadap perubahan dalam keadaan; dan
 - e. maklumat yang boleh menerangkan trend yang mendasari dan memberi kesan kepada jumlah yang dipaparkan.

Prinsip Diguna pakai untuk Pemilihan Maklumat

- 9.31. Keputusan tentang maklumat yang perlu dipaparkan dan didedahkan melibatkan perlu mengambil kira:
- a. Objektif pelaporan kewangan;
 - b. Ciri kualitatif dan kekangan pada maklumat yang disertakan dalam PKTU; dan
 - c. Fenomena ekonomi atau fenomena lain berkaitan tentang maklumat yang mungkin diperlukan.

- 9.32. Pemilihan maklumat menghasilkan maklumat yang menyumbang kepada pencapaian objektif pelaporan kewangan, seperti yang diguna pakai kepada bahagian yang terangkum dalam laporan tertentu, dan menyediakan tahap perincian yang sesuai. Keputusan mengenai pemilihan maklumat mengikut keutamaan dan keringkas maklumat. Pemilihan maklumat mengelakkan maklumat berlebihan yang mengurangkan kefahaman. Terlalu banyak maklumat boleh menyukarkan pengguna untuk memahami mesej utama, dan seterusnya menjejaskan pencapaian objektif pelaporan kewangan.
- 9.33. Penyedia, menggunakan pernyataan dan pertimbangan profesional mereka, bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat memenuhi objektif pelaporan kewangan dan mencapai ciri-ciri kualitatif, dinyatakan dalam PKTU yang disediakan.
- 9.34. Keputusan mengenai pemilihan maklumat memerlukan semakan yang berterusan dan kritis. Maklumat yang dikenal pasti untuk pemilihan, disemak semasa ia dibangunkan dan dipertimbangkan untuk pembentangan, dengan rujukan khusus kepada kerelevanan, kematangan dan kos-faedah, walaupun semua ciri kualitatif dan kekangan diguna pakai untuk keputusan mengenai pemilihan maklumat. Keputusan lepas boleh dipertimbangkan semula kerana maklumat baharu boleh menjadikan keperluan maklumat sedia ada bertindih dan menyebabkan item tersebut tidak lagi mencapai ciri-ciri kualitatif dan/atau kekangan.
- 9.35. Semua transaksi material, peristiwa dan item-item lain yang dilaporkan dipersembahkan dalam cara yang menyampaikan inti pati dan bukan dalam bentuk sahnya atau bentuk lain supaya ciri kualitatif kerelevanan dan gambaran sebenar dicapai.
- 9.36. Faedah kepada pengguna yang menerima maklumat perlu mewajarkan kos kepada entiti yang mengumpul dan membentangkan maklumat tersebut. Dalam membuat penaksiran ini adalah penting untuk mempertimbangkan bagaimana item individu memberi kesan kepada gambaran keseluruhan dan sifat maklumat yang dibentangkan. Item-item yang mungkin kelihatan mempunyai sedikit manfaat apabila dilihat secara berasingan boleh memberi manfaat yang lebih besar dalam menyumbang kepada set lengkap maklumat yang dibentangkan.
- 9.37. Maklumat perlu dibentangkan cukup tepat pada masanya untuk membolehkan pengguna memastikan pengurusan bertanggungjawab dan memaklumkan keputusan pengguna.
- 9.38. PKTU mungkin termasuk maklumat tambahan yang diperoleh daripada sumber selain daripada sistem maklumat kewangan. Ciri-ciri kualitatif juga diguna pakai untuk maklumat tambahan tersebut. Tarikh penyampaian sebarang maklumat tambahan sedemikian perlu terdekat dengan tarikh pelaporan penyata kewangan, supaya maklumat yang dilaporkan tepat pada masanya.

Prinsip Pemilihan Maklumat untuk Paparan dan Pendedahan

- 9.39. Keputusan mengenai paparan atau pendedahan diguna pakai kepada kedua-dua penyata kewangan dan PKTU lain. Objektif pelaporan kewangan digunakan pada bahagian yang terangkum dalam laporan tertentu untuk membantu pengenalpastian maklumat untuk paparan atau pendedahan. Pengenalpastian maklumat untuk paparan dan pendedahan dalam PKTU tertentu mungkin melibatkan pembangunan:
- a. Prinsip pengelasan;
 - b. Senarai jenis maklumat umum yang dipaparkan dan senarai serupa yang didedahkan; dan/atau
 - c. Senarai maklumat khusus yang penyedia mesti paparkan atau dedahkan.

- 9.40. Keputusan mengenai pemilihan maklumat yang akan dipaparkan dan didedahkan dibuat:
- a. dengan merujuk antara satu sama lain dan bukannya secara berasingan; dan
 - b. untuk menyampaikan satu set maklumat bersepadu dengan berkesan.
- 9.41. Keputusan pemilihan berkenaan dengan maklumat dalam PKTU lain dibuat selepas mempertimbangkan dengan teliti hubungan PKTU lain dengan penyata kewangan.

Kedudukan Maklumat

- 9.42. Keputusan mengenai kedudukan maklumat dibuat berkenaan:
- a. Di mana maklumat laporan terletak; dan
 - b. Di mana komponen maklumat laporan terletak.
- 9.43. Kedudukan maklumat mempunyai kesan terhadap sumbangan maklumat kepada pencapaian objektif pelaporan kewangan dan ciri-ciri kualitatif. Kedudukan boleh menjejaskan cara pengguna mentafsir maklumat dan kebolehbandingan maklumat. Kedudukan boleh digunakan untuk:
- a. menyampaikan kepentingan relatif maklumat dan kaitannya dengan item maklumat lain;
 - b. menyampaikan sifat maklumat;
 - c. memautkan item maklumat berbeza yang digabungkan untuk memenuhi keperluan pengguna tertentu; dan
 - d. membezakan antara maklumat yang dipilih untuk paparan dan maklumat yang dipilih untuk pendedahan.

Prinsip Pembahagian Maklumat antara Laporan Berbeza

- 9.44. Faktor yang relevan dengan keputusan tentang pembahagian maklumat antara penyata kewangan dan PKTU yang lain termasuk:
- a. Sifat: Sama ada sifat maklumat, contohnya sejarah berbanding prospektif, menyokong kemasukan maklumat sama ada dalam PKTU yang sama atau berbeza, kerana pertimbangan berkaitan dengan, contohnya, kebolehbandingan dan/atau kebolehfahaman;
 - b. Bidang Kuasa-Khusus: Sama ada faktor bidang kuasa-khusus, seperti peruntukan undang-undang, menyatakan keperluan mengenai kedudukan maklumat; dan
 - c. Pautan: Sama ada maklumat tambahan yang dijangkakan perlu dipautkan secara rapat dengan maklumat yang telah berada dalam laporan sedia ada. Pautan antara semua maklumat perlu ditaksir, bukan sahaja pautan antara maklumat baharu dan sedia ada.
- 9.45. Faktor-faktor di atas, yang dinyatakan dari perspektif penambahan maklumat kepada set maklumat sedia ada, juga diguna pakai untuk pertimbangan sama ada pengelompokan maklumat sedia ada boleh diperbaiki, yang dibincangkan dalam seksyen penyusunan maklumat.

- 9.46. PKTU yang berasingan mungkin diperlukan apabila:
- a. Keperluan maklumat tambahan oleh pengguna yang tidak berpuas hati dengan laporan sedia ada, dikenal pasti; dan
 - b. PKTU berasingan yang memenuhi keperluan tersebut lebih berkemungkinan mencapai objektif pelaporan kewangan dan ciri kualitatif berbanding memasukkan maklumat dalam laporan sedia ada.

Prinsip Kedudukan Maklumat dalam Laporan

- 9.47. Perenggan 9.17 Bab ini menyatakan bahawa maklumat yang dipaparkan dipersembahkan dengan jelas, menggunakan teknik persembahan yang sesuai—kedudukan adalah satu cara untuk mencapai matlamat ini. Kedudukan maklumat dalam laporan memastikan maklumat yang dipaparkan diberi keutamaan yang sesuai dan tidak dikaburkan oleh maklumat yang didedahkan lebih terperinci dan meluas.
- 9.48. Kedudukan maklumat dalam penyata kewangan menyumbang kepada penyampaian gambaran kewangan yang komprehensif bagi suatu entiti.
- 9.49. Bagi penyata kewangan, maklumat yang dipaparkan ditunjukkan pada muka penyata yang bersesuaian, manakala pendedahan adalah dalam nota. Membezakan maklumat yang dipaparkan dan maklumat yang didedahkan melalui kedudukan memastikan bahawa item yang berkaitan secara langsung dengan penyampaian perkara, seperti kedudukan kewangan entiti, prestasi kewangan dan aliran tunai, boleh menonjolkan dengan maklumat lanjut yang lebih terperinci diberikan melalui pendedahan dalam nota.
- 9.50. Bagi PKTU lain, maklumat yang dipaparkan mungkin sama ada terletak secara berasingan daripada maklumat yang didedahkan atau terletak di bahagian yang sama, tetapi dibezakan daripada maklumat yang didedahkan dan diberi keutamaan melalui penggunaan teknik persembahan yang lain.

Penyusunan Maklumat

- 9.51. Penyusunan maklumat menangani pengaturan, pengelompokan dan susun atur maklumat, yang merangkumi keputusan mengenai:
- a. Bagaimana maklumat diatur dalam PKTU; dan
 - b. Struktur keseluruhan PKTU.
- 9.52. Penyusunan maklumat melibatkan pelbagai keputusan termasuk keputusan mengenai penggunaan rujukan silang, jadual, graf, tajuk, penomboran, dan aturan item dalam komponen tertentu laporan, termasuk keputusan mengenai susun atur item. Cara maklumat disusun boleh mempengaruhi tafsiran pengguna.

Sifat Maklumat yang Relevan kepada Penyusunan Maklumat

- 9.53. Keputusan mengenai penyusunan maklumat mengambil kira:
- a. Hubungan penting antara maklumat; dan
 - b. Sama ada maklumat adalah untuk dipaparkan atau didedahkan.

Jenis Hubungan

- 9.54. Hubungan penting termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
- a. Penambahbaikan;
 - b. Persamaan; dan
 - c. Tujuan bersama.
- 9.55. Penambahbaikan: Maklumat di satu tempat dalam PKTU boleh ditambah baik melalui maklumat yang disediakan di tempat lain. Contohnya, maklumat belanjawan, prospektif dan prestasi perkhidmatan menambah baik maklumat dalam penyata kewangan. Jadual dan graf boleh digunakan untuk menambah baik pemahaman maklumat naratif. Pautan kepada maklumat yang dilaporkan di luar PKTU boleh menambah baik kebolehfahaman maklumat yang dilaporkan dalam PKTU.
- 9.56. Persamaan: Hubungan persamaan wujud apabila maklumat yang dilaporkan di satu tempat adalah berdasarkan maklumat yang dilaporkan di tempat lain dalam PKTU, dan maklumat itu sama ada belum laras atau mempunyai pelarasan yang agak kecil. Contohnya, hubungan antara jumlah perbelanjaan yang dilaporkan terhadap belanjawan dan jumlah perbelanjaan yang dilaporkan dalam penyata prestasi kewangan. Penyesuaian antara dua amaun berbeza boleh menambah baik pemahaman pengguna tentang kewangan entiti.
- 9.57. Tujuan bersama: Wujud hubungan tujuan bersama apabila maklumat yang dilaporkan di tempat yang berbeza menyumbang kepada tujuan yang sama. Contohnya apabila penyata dan pendedahan yang berbeza memberikan maklumat yang diperlukan untuk penaksiran akauntabiliti untuk perkhidmatan yang disampaikan. Maklumat tentang (a) kos sebenar dan belanjawan perkhidmatan yang berbeza, (b) sumber kewangan dan bukan kewangan yang digunakan dalam penyediaan perkhidmatan yang berbeza, dan (c) penyediaan perkhidmatan yang berbeza pada masa hadapan boleh dimasukkan di tempat yang berbeza. Untuk menjadikan hubungan antara maklumat di tempat yang berbeza jelas, mungkin sesuai untuk menyusun maklumat dengan menggunakan teknik seperti tajuk dan rujukan serupa.
- 9.58. Hubungan boleh wujud antara maklumat dalam lain-lain:
- a. PKTU;
 - b. Komponen dalam PKTU; dan
 - c. Sebahagian daripada satu komponen.

Pengelompokan Maklumat

- 9.59. Tiga faktor yang dinyatakan dalam bahagian pemilihan maklumat diterima pakai kepada keputusan mengenai kedudukan maklumat—pautan, sifat maklumat dan pertimbangan bidang kuasa-khusus—juga diguna pakai untuk pertimbangan sama ada pengelompokan maklumat sedia ada boleh diperbaiki. Keputusan mengenai pengelompokan maklumat yang berkesan mengambil kira pautan antara set maklumat, sifat set maklumat yang berlainan, dan setakat yang sesuai, faktor bidang kuasa-khusus.

Prinsip Diguna pakai kepada Penyusunan Maklumat

- 9.60. Secara keseluruhan, penyusunan maklumat dalam PKTU adalah bertujuan untuk:
- a. Menyokong pencapaian objektif pelaporan kewangan; dan
 - b. Membantu maklumat yang dilaporkan memenuhi ciri-ciri kualitatif.
- 9.61. Hasil daripada penyusunan maklumat:
- a. Membantu memastikan mesej utama boleh difahami;
 - b. Mengenal pasti hubungan penting dengan jelas;
 - c. Memberi keutamaan yang sesuai kepada maklumat yang menyampaikan mesej utama; dan
 - d. Memudahkan perbandingan.
- 9.62. Maklumat berkaitan dipautkan melalui penggunaan tajuk yang konsisten, susun atur persembahan, dan/atau kaedah lain yang bersesuaian kepada hubungan dan jenis maklumat. Apabila pautan merujuk kepada maklumat yang dilaporkan di luar PKTU, adalah penting bahawa:
- a. Pautan kepada maklumat daripada sumber lain tidak menjejaskan pencapaian ciri kualitatif PKTU; dan
 - b. Tarikh pengeluaran mana-mana maklumat yang dipautkan sedemikian adalah terdekat dengan tarikh pelaporan penyata kewangan supaya maklumat yang dilaporkan tepat pada masanya.

Kebolehbandingan

- 9.63. Penyusunan maklumat mengambil kira manfaat pembentangan yang konsisten dari semasa ke semasa. Persembahan yang konsisten menyokong keupayaan pengguna untuk memahami maklumat dan memudahkan akses mereka kepada maklumat. Ia membantu untuk mencapai ciri kualitatif kebolehbandingan.

Prinsip Penyusunan Maklumat dalam Penyata Kewangan

- 9.64. Maklumat yang dipaparkan pada muka penyata kewangan biasanya disusun ke dalam angka jumlah dan angka subjumlah. Penyusunan maklumat tersebut memberi gambaran keseluruhan berstruktur tentang perkara seperti kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti pelapor.
- 9.65. Untuk penyata kewangan, hubungan boleh wujud antara:
- a. Subset amaun yang dipaparkan atau perubahan dalam jumlah yang dipaparkan dan kesannya terhadap kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan/atau aliran tunai entiti;
 - b. Amaun berbeza yang dipaparkan dalam penyata kewangan yang berbeza, yang semuanya menggambarkan kesan peristiwa luaran yang sama, atau bersama-sama menyumbang ke arah pemahaman tentang aspek kedudukan kewangan atau prestasi kewangan entiti; dan

- c. Amaun yang dipaparkan dan pendedahan nota yang berkaitan memberikan maklumat bagi menerangkan atau sebaliknya, boleh menyokong pemahaman pengguna tentang item yang dipaparkan.

9.66. Penyusunan maklumat dalam penyata kewangan termasuk keputusan mengenai:

- a. Jenis dan bilangan penyata;
- b. Pengasingan jumlah kepada subkategori yang bermakna;
- c. Menyusun dan mengelompokkan item yang dipaparkan dalam setiap penyata;
- d. Pengenalpastian agregat (tambah dan tolak); dan
- e. Pengenalpastian maklumat lain untuk dimasukkan pada muka penyata.

9.67. Maklumat yang didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan disusun supaya hubungan dengan perkara yang dilaporkan pada muka penyata kewangan adalah jelas. Nota adalah bahagian penting dalam penyata kewangan.

Prinsip Penyusunan Maklumat dalam PKTU Lain

9.68. Sebagaimana penyata kewangan, penyusunan maklumat dalam PKTU lain membantu memastikan mesej utama yang disampaikan melalui maklumat yang dipaparkan boleh difahami. Pembentangan yang mengenal pasti hubungan penting dengan jelas berkemungkinan menambah baik setakat mana sesuatu laporan:

- a. Memenuhi objektif pelaporan kewangan; dan
- b. Mencapai ciri-ciri kualitatif.

9.69. Memautkan maklumat yang berkaitan membantu pengguna mencari maklumat penting. Sesetengah maklumat lebih mudah difahami apabila disusun dalam bentuk graf, carta, jadual, nisbah atau penunjuk prestasi utama. Maklumat lain mungkin dipersembahkan dengan lebih berkesan dalam bentuk naratif. Penyusunan maklumat membantu pemahaman pengguna tentang pautan antara maklumat dalam PKTU yang sama.

9.70. Penyusunan maklumat memudahkan perbandingan seperti menjelaskan apabila item serupa atau tidak serupa. Perbandingan antara tempoh dipermudahkan dengan mengelakkan perubahan pada cara maklumat disusun untuk entiti yang sama dari tahun ke tahun melainkan perubahan tersebut menambah baik kerelevanan dan kebolehfahaman. Perbandingan antara entiti dipermudahkan apabila entiti pelapor yang berbeza menyusun maklumat yang disampaikan dengan cara yang sama.